



Sultan perkenan namakan Jalan Prof Khoo Kay Kim

MUKA 5

Tembusi pasaran halal Thailand

MUKA 7

Indonesia hantar balik 210 tan sampah

MUKA 10

Naura Syarie tawar lima warna menarik

MUKA 15

Pemilik 'biak' denggi bakal kena saman

OLEH NORHAYATI UMOR

BATU CAVES - Kerajaan Negeri mula mengenakan tindakan saman kepada pemilik premis tanah atau individu yang culas menjaga persekitaran sehingga menyebabkan penularan wabak Aedes di kawasan masing-masing.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, Selangor adalah negeri yang sentiasa mencatatkan kumulatif kes denggi tertinggi disebabkan faktor populasi penduduk sangat padat.

Bagaimanapun, katanya, sebagai Kerajaan Negeri, ia tidak boleh selama-lamanya menjadikan hal itu sebagai alasan untuk Selangor sentiasa menjadi 'juara' dalam kes demam denggi.

"Sesuai arus pembangunan sama ada sosial atau fizikal kita menghadapi cabaran menangani wabak ini lebih lagi ia mencatatkan kumulatif kes tertinggi.

"Oleh itu, kita perlu menangani kerancangan ini dengan mengubah cara tindakan. Jika dahulu kita memulakan langkah kesedaran dan ganjaran, namun kali ini perlu mengambil tindakan lebih tegas.

"Langkah pencegahan dan kawalan pembiakan juga diubah dengan tidak lagi hanya mengharap tindakan semburan asap seperti 10 tahun dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian di Karnival 3W (Women, Welfare, Wellness) Peringkat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang bertemakan Hari Sifar Denggi Dan Hari Bapa, di Padang Awam Batu Caves, di sini, pada 6 Julai lalu.

Sehubungan itu, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri serius dan tidak sambil lewa dalam melaksanakan usaha pencegahan pembiakan nyamuk berkenaan.



Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, mendengar penjelasan mangsa ribut di Felda Soeharto, Hulu Selangor pada 6 Julai 2019. Beliau juga memaklumkan sumbangan RM500 kepada keluarga mangsa. - Foto oleh Nazir Khairi

"Kerajaan Negeri akan memberi fokus dalam setiap aspek bermula tahun ini sehingga tahun hadapan untuk melaksanakan pelbagai perancangan.

"Kawasan rumah ibadat dan lokasi awam lain juga akan dititik berat dalam penguatkuasaan serta pemantauan," katanya.

Untuk rekod, situasi denggi di Selangor meningkat selepas Aidilfitri lalu (29 Jun) iaitu 35,544 kes berdaftar dengan mencatatkan 30 kematian berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu kira-kira 18,249 kes yang menunjukkan peningkatan 17,295 kes iaitu 94.77 peratus.

Produk pelancongan Selangor lengkap

HULU SELANGOR - Anugerah Destinasi Pelancongan Terbaik 2018 dimenangi Tourism Selangor membuktikan Selangor memiliki produk pelancongan serba lengkap meliputi semua segmen seperti eko pelancongan, membeli belah, rekreasi dan sukan.

EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari berkata, anugerah oleh Majlis Pelancongan Malaysia (MTC) itu disampaikan ketika MTC Gold Award pada Novem-

ber lalu ekoran kejayaan Tourism Selangor mempopularkan produk pelancongan terbaru iaitu Sky Mirror dan Selangor Fruit Valley.

Beliau berkata, maka tidak hairan Selangor sering menjadi tumpuan operator pelancongan luar negara.

"Ketika saya di Jepun untuk mempromosi Selangor, kami mendapat sambutan sangat baik oleh operator di sana.

"Mereka sedia membantu mempromosikan Selangor kepada pelancong yang ingin melan-

cong ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu, di sini, pada 8 Julai lalu.

Abdul Rashid berkata, operator pelancongan Jepun turut memasukkan Selangor dalam laman sesawang bahasa Jepun bagi tujuan mempromosikan destinasi pelancongan negeri itu.

Beliau juga yakin sasaran 10 juta pelancong datang ke Selangor tahun ini boleh dicapai.



Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) 2018

Semua PBT Selangor cemerlang

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Selangor muncul satu-satunya negeri mendapat penarafan lima bintang bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penilaian Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) tahun lalu.

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, kejayaan itu membuktikan usaha 12 PBT dalam mengekalkan kecemerlangan serta usaha mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tercapai.

"Ini pencapaian yang baik berbanding penilaian 2016 iaitu 10 PBT di Selangor mendapat penarafan lima bintang, manakala dua PBT mendapat penarafan empat bintang.

"Justeru, dengan penarafan lima bintang di semua PBT tahun lalu akan mendorong PBT ini meneruskan dan mengekal-

kan pencapaian ini pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis penghargaan kepada PBT atas pencapaian cemerlang dalam SPB-PBT, di SUK, di sini, pada 9 Julai lalu.

Pada masa sama, Sze Han berkata, penarafan itu penting untuk memastikan PBT serius dalam memberi khidmat kepada rakyat, pelanggan dan pemegang taruh secara keseluruhannya.

Dalam majlis itu, Sze Han turut menyampaikan sijil penghargaan dan wang tunai kepada semua 12 PBT negeri itu.

SPB-PBT diperkenalkan Kerajaan Pusat melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan pada 2007 untuk menilai tahap penyampaian PBT di seluruh negara.

Menerusi penilaian itu, PBT akan diletakkan pada suatu tahap kedudukan bintang yang sesuai berdasarkan markah yang diper-



olehi selain mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat dalam kalangan PBT.

Untuk rekod, Majlis Bandaraya Petaling Jaya memperoleh 97.6 peratus, Majlis Bandaraya Shah

Alam (97.5%), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (96.85%), Majlis Perbandaran Kajang (96.74%), Majlis Daerah Kuala Selangor (96.29%), Majlis Perbandaran Subang Jaya (96.04%), Majlis Perbandaran Klang (96.03%) dan Majlis Perban-

daran Selayang (95.20%).

Manakala, Majlis Daerah Kuala Langat (94.71%), Majlis Perbandaran Sepang (93.64%), Majlis Daerah Hulu Selangor (92.66%) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (91.61%).



Lebih 5,000 serbu Karnival 3W MPS

BATU CAVES - Lebih 5,000 pengunjung membanjiri Padang Awam Batu Caves bagi menyertai pelbagai aktiviti sempena Karnival 3W (Women, Welfare, Wellness) peringkat Majlis Perbandaran Selayang (MPS), di sini, pada 6 Julai lalu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, karnival berkenaan bukan sahaja memberi pendedahan berkenaan usaha Kerajaan Negeri tetapi merapatkan hubungan antara pemimpin dan rakyat.

Katanya, melalui usaha 'turun padang' seumpama itu, setiap agensi kerajaan yang terbabit akan dapat memberikan khidmat nasihat dan menerima apa sahaja aduan daripada orang ramai ber-

hubung perkara serta masalah berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

"Sedari awal pelancaran Karnival 3W di Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada Februari lalu, saya sememangnya memberikan sokongan padu kepada program ini.

"Hal ini kerana dengan adanya karnival seumpama ini, maka kita akan berpeluang untuk bertemu langsung dengan masyarakat setempat bagi memberi penerangan berkenaan program dan perkhidmatan yang disediakan di peringkat Kerajaan Negeri," katanya ketika ditemui di karnival yang bertemakan "Hari

Sifar Denggi dan Hari Bapa".

Sehubungan itu, Amirudin berharap semua agensi kerajaan yang terbabit memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Karnival 3W yang berlangsung kali keenam itu menyediakan pelbagai aktiviti antaranya 'plogging' 10,000 langkah, basmi denggi, pertandingan futsal, Bengkel Keusahawanan Wanita Strata dan Pertandingan Gasing Hero Bay-Blade Bapa dan Anak.

Selain itu, turut diadakan Talk Show - Papaku Adiwira, Mamaku Kejora: "Bapa Hebat dan Keluarga Unggul" bersama artis undangan Norman Hakim dan Memey Suhaiza serta gimik sambutan hari bapa peringkat MPS.

Pada masa sama, Amirudin turut mengambil bahagian bersama penduduk setempat dalam aktiviti mengukur kelapa.

Pusat iktiraf sistem pengurusan bencana

SELYANG - Sistem pengurusan bencana Selangor diiktiraf sebagai yang terbaik di Malaysia sehingga mendorong Kerajaan Pusat mengadaptasi sistem terbabit di peringkat nasional.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, perkara itu diputuskan dalam satu mesyuarat dihadiri menteri-menteri besar dan perdana menteri, di Putrajaya, baru-baru ini.

"Dalam sesi taklimat yang dibentangkan berkenaan pengurusan bencana, Selangor yang mempunyai sistem pengurusan terbaik di Malaysia dan sistem itu akan diadaptasi di peringkat Pusat dan negeri lain seluruh Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri Taman Templer dan Parlimen Selayang di Dataran Ilmu, Selayang Baru, di sini, pada 6 Julai lalu.

Turut hadir pada majlis sama adalah Ahli Parlimen Selayang, William Leong; Ahli Dewan Negeri (ADN) Taman Templer, Mohd Sany Hamzan dan ADN Kuang, Salehuddin Amiruddin.

Amirudin berkata, ia mem-

Dalam sesi taklimat yang dibentangkan berkenaan pengurusan bencana, Selangor yang mempunyai sistem pengurusan terbaik di Malaysia dan sistem itu akan diadaptasi di peringkat Pusat dan negeri lain seluruh Malaysia

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

buktikan Selangor bukan sahaja mempunyai pengurusan ekonomi yang baik tetapi turut memiliki sistem pentadbiran cekap.

Katanya, sistem pentadbiran Selangor turut dijadikan model dalam pembentukan dan pengurusan mana-mana kerajaan.

Tangani lambakan buruh asing

BANGI - Kerajaan Negeri akan terus memperkasa Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khususnya untuk generasi muda sebagai langkah mengurangkan lambakan pekerja asing yang memonopoli industri pembinaan serta pembuatan, di Selangor.

Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Azmie Diron berkata, pendidikan TVET mampu melahirkan keupayaan tenaga kerja kepada bentuk automasi memandangkan kebanyakan industri di negara ini masih bergantung kepada bentuk pekerjaan manual.

"Kita bergerak sejak 2016 untuk menunjukkan satu cita-cita mengembangkan lagi pendidikan TVET kerana kebanyakan warga asing banyak terbabit dalam sektor 3D (Dirty, Difficult & Dangerous).

"Apabila kita mengembangkan TVET, pada akhirnya keupayaan tenaga kerja adalah kepada bentuk automasi dan akhirnya automasi adalah jawapan kepada pengurangan pekerja asing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi Dialog Bajet 2020 Kluster Pendidikan bertemakann Hab Pendidikan Holistik: Pemacu 'Selangor Maju Bersama', di Grand Ballroom, Tenera Hotel, di sini, pada 9 Julai lalu.

Terdahulu, Ahli Dewan Negeri Meru, Mohd Fakhruddin Mohd Mokhtar, mengajukan beberapa pertanyaan yang antara lain menggesa Kerajaan Negeri memberi fokus terhadap aspek melengkapkan kemahiran graduan TVET bagi memenuhi pasaran kerja, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja

Apabila kita mengembangkan TVET, pada akhirnya keupayaan tenaga kerja adalah kepada bentuk automasi dan akhirnya automasi adalah jawapan kepada pengurangan pekerja asing

AZMIE DIRON
Pegawai Kewangan Negeri

asing.

Pada masa sama, Azmie berkata, jika kaedah automasi tidak diaplikasi dalam mana-mana industri, maka Malaysia akan ketinggalan kerana negara serantau lain semakin giat membangunkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Katanya, negara turut dibelenggu kepada keperluan menggunakan tenaga buruh asing ekoran sektor pembuatan dan pembinaan adalah salah satu industri yang memerlukan lebih ramai tenaga kerja dalam menghasilkan produk serta perkhidmatan.

"Ia adalah pekerjaan yang 'Labor Intensive' jadi kemungkinan lebih banyak buruh asing diperlukan di negara kita. Jadi, ini yang kita mahu elakkan.

"Kaedahnya adalah menggunakan automasi atau menggunakan mantera baharu iaitu IR4.0 dengan mengautomasi kerja yang dibuat secara rutin dan ia dilaksanakan daripada tenaga buruh manusia kepada menggabungkan mesin atau robot," katanya.



Jana pendapatan lebih baik

P3S tingkat taraf produk pelancongan

OLEH NAZLI IBRAHIM

HULU SELANGOR - Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) mampu meningkatkan taraf produk pelancongan, sekali gus menjana pendapatan lebih baik kepada pengusaha.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pengusaha yang menyertai program itu akan mendapat bimbingan profesional dan bantuan promosi berterusan oleh Tourism Selangor serta agensi lain.

"Di Kuala Kubu Bharu terdapat 56 inap dusun tetapi hanya enam sahaja yang berlesen yang merugikan pengusaha kerana produk mereka tidak

dapat dipromosikan ekoran tiada kelulusan dan lesen Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

"Saya sarankan supaya (pengusaha) menyertai program ini kerana tidak rugi mendaftar, dapat kelebihan promosi dan meningkatkan keselamatan pelancong," katanya ketika merasmikan program berkenaan di Taman Tasik Millennium, Kuala Kubu Bharu, di sini, pada 8 Julai lalu.

Amirudin berkata, langkah itu secara tidak langsung akan memberi kesan positif terhadap kerancakan sektor pelancongan, di Selangor.

Katanya, selain memperoleh pelbagai kelebihan, maka ia turut membantu Kerajaan Negeri

mengumpul data pelancongan dengan lebih tepat.

Pada masa sama, Amirudin berkata, program yang dimulakan di Hulu Selangor itu akan diteruskan di seluruh negeri, bermula tahun hadapan.

Bagaimanapun, katanya, program membabitkan garis panduan ditetapkan pelbagai agensi seperti MDHS, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat itu disesuaikan mengikut acuan tempatan berdasarkan produk pelancongan sedia ada.

"Sekarang secara sukrela tetapi lambat laun akan diwajibkan apabila sampai had masa ditetapkan nanti," katanya.

Solusi Pemantapan Generasi Unggul lonjak prestasi pelajar



SHAH ALAM - Inisiatif Solusi Pemantapan Generasi Unggul yang dilancarkan Kerajaan Negeri mampu memberi suntikan kepada pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik masing-masing.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Selangor menyasarkan 10,000 pelajar khususnya daripada kelompok B40 dibantu menerusi Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS).

"PTRS dilaksanakan sejak 2008, kita berjaya mengeluarkan pelajar berpotensi gagal kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran dalam dan luar negeri.

"Berdasarkan rekod peperiksaan, terdapat 14,000 pelajar bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia berisiko gagal. Se-

hubungan itu, kita mencari solusi yang sesuai untuk membantu pelajar keluar daripada risiko ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Solusi Pemantapan Generasi Unggul di Kediaman Rasminya, di sini, pada 6 Julai lalu.

Hadir sama EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian dan Ketua Pegawai Operasi Penerimaan Menteri Besar, Soffan Affandi Aminuddin.

Pada masa sama, Amirudin berkata, sejumlah RM5.96 juta diperuntukkan menerusi Bisnes Amal MBI bagi PTRS, tahun ini.

Katanya, pihaknya juga menambah satu mata pelajaran dalam modul yang digunakan pakai menjadikan jumlah semuanya

lima mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Sejarah, Sains dan Matematik.

"Matlamat Kerajaan Negeri mahu pelajar dapat meningkatkan kualiti dengan kadar lulus dengan baik, sekali gus memberi peluang pelajar mencipta masa hadapan lebih cerah," katanya.

PTRS ialah program khusus yang dijalankan bagi meningkat, memenuhi dan merealisasikan agenda bagi memastikan kebajikan, kualiti hidup serta memantapkan ekonomi rakyat dalam menyempurnakan definisi pendidikan kepada 5M (membaca, menulis, mengira, memikir dan mengamal) adalah antara fokus utama Kerajaan Negeri.

Sebelum ini, program berkenaan menerima penyertaan 6,000 pelajar.



Perkasakan bahasa Inggeris

Martabatkan bahasa Melayu

OLEH NAZLI IBRAHIM

RAWANG - Generasi muda perlu diberi kesedaran terhadap pentingnya penguasaan bahasa ibunda, di samping memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memperkasakan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa.

EXCO Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin, V Ganabatirau berkata, ia kerana tiga bahasa terbabit mempunyai kepentingan dan fungsi masing-masing dalam membentuk sebuah masyarakat yang maju, harmoni serta memilikijati diri.

"Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur iaitu Pejabat Pendidikan Daerah Gombak dan tuan rumah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Desa 2 kerana menganjurkan suatu program cukup bermakna untuk meningkatkan keterampilan berbahasa dalam kalangan pelajar khususnya bahasa Tamil.

"Saya menyambut baik usaha ini kerana dalam meningkatkan kecintaan masyarakat terutama generasi muda terhadap bahasa ibunda. Usaha ini perlu digerakkan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Perasmian Penutupan Karnival Bahasa Tamil Peringkat Negeri Selangor di SMK Taman Desa 2, di sini, pada 6 Julai lalu.

Ganabatirau berkata, anggota masyarakat perlu diberikan suntikan kesedaran berkenaan pentingnya ketiga-tiga bahasa itu dalam mengejar arus globalisasi.

Katanya, Kerajaan Negeri akan memberi sumbangan bagi me-



mastikan program seperti terus diadakan pada masa akan datang.

"Diharapkan Karnival Bahasa Tamil ini akan menjadi agenda tahunan dan dijalankan dengan lebih meriah lagi, pada tahun hadapan. Semoga impian untuk menjalankan program ini di Dewan Jubli Setiausaha Kerajaan Negeri akan menjadi kenyataan, menjelang 2020," katanya.

Sementara itu, pada karnival terbabit sebanyak tujuh kategori dipertandingkan iaitu Forum Remaja, Deklamasi Sajak, Pertandingan Syarahan, Pertandingan Menulis Cerpen (sekolah menengah rendah & atas), Pertandingan Pidato dan Pertandingan Mengarang (Tingkatan 6).

Daerah Hulu Langat berjaya mengungguli dua kategori iaitu Pengucapan Awam dan Mendeklamasi Sajak (menengah rendah), manakala Klang pula memenangi kategori Forum Remaja SMK (menengah atas).

Peserta Petaling Perdana

Saya menyambut baik usaha ini kerana dalam meningkatkan kecintaan masyarakat terutama generasi muda terhadap bahasa ibunda. Usaha ini perlu digerakkan dari semasa ke semasa V GANABATIRAU

memenangi Pertandingan Syarahan SMK (menengah rendah), Sepang bagi Menulis Cerpen SMK (menengah atas) dan Hulu Selangor pula memenangi Mengarang Esei SMK (Tingkatan 6).

Pemenang terpilih akan mewakili Selangor pada pertandingan peringkat kebangsaan.

Smart Selangor Parking sah di DBKL

SHAH ALAM - Aplikasi Smart Selangor Parking (SSP) kini boleh diguna pakai untuk pembayaran parkir di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kata EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han.

Sze Han berkata, aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma itu membolehkan pengguna membuat bayaran segera dengan menggunakan kredit dan boleh ditambah nilai daripada perkhidmatan perbankan tempatan (e-wallet).

Katanya, selain DBKL, tujuh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor menggunakan kaedah sama adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang.


"Selain itu, SSP juga boleh digunakan di parkir berpagar (off street parking) di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Paramount, Asia Jaya, Stadium Kelana Jaya dan Gerai Peniaga Atria.

"Pelaksanaan SSP ini juga berjaya menjimatkan penggunaan kupon parkir sebanyak 180 tan kertas," katanya selepas Majlis penghargaan kepada PBT atas pencapaian cemerlang dalam SPB-PBT, di sini, pada 9 Julai lalu.

Pada masa sama, Sze Han berkata, bagi menggalakkan lagi penggunaan SSP, Kerajaan Negeri menawarkan promosi istimewa selama sebulan, bermula 9 Julai hingga 9 Ogos lalu.

"Promosi ini membabitkan RM1 tambahan kredit diberikan kepada setiap pembelian kredit RM50 hingga RM99. Manakala RM3 tambahan kredit pula akan diberikan untuk setiap pembelian kredit RM100 hingga RM199," katanya.

Selain itu, katanya, tambahan



Selain itu, SSP juga boleh digunakan di parkir berpagar (off street parking) di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Paramount, Asia Jaya, Stadium Kelana Jaya dan Gerai Peniaga Atria. Pelaksanaan SSP ini juga berjaya menjimatkan penggunaan kupon parkir sebanyak 180 tan kertas

NG SZE HAN

RM6 juga dikreditkan kepada pembelian RM200 hingga RM299, manakala RM9 tambahan bagi pembelian RM300 hingga RM399 dan RM12 tambahan bagi pembelian RM400 hingga RM499.

SSP diperkenalkan pada Julai 2018 selaras dengan visi Selangor ke arah Smart State 2025.

Kadar caj letak kenderaan dan kompaun yang dikenakan SSP adalah mengikut kadar sedia ada seperti ditetapkan PBT yang menyertai pelaksanaan SSP-

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

PENGARANG Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib & Aishah Amin

WARTAWAN:

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com,

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Nadiah Zamilus sitinadiah@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

REKA LETAK Azwa, Nor Azarina, Farah Azila, Zul Albani

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

Nadhrach Azlan nadhrach@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Cari, musnah lokasi Aedes

BATU CAVES - Kerajaan Negeri akan mula melaksanakan aktiviti penguatkuasaan membabitkan sumber dan aset terbiar sehingga menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk Aedes.

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, sehingga kini terdapat 77 kawasan tanah terbiar diberikan notis arahan pembersihan, namun pihaknya tidak dapat mengenal pasti pemilik tanah berkenaan.

"Oleh itu, kita mahu mendapatkan kerjasama semua pihak termasuk Pejabat Tanah dan Daerah setiap kawasan bagi membantu

mencari hak milik supaya perkara ini selesai.

"Kes demam denggi yang meningkat amat membimbangkan. Kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlarutan.

"Pada masa sama, kita juga akan melaksanakan program cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk di perumahan atau kawasan yang mengumpul air.

"Kita mahu musnahkan semua tetapi perlu dilakukan secara konsisten bukan tindakan sekali sekala sahaja," katanya ketika ditemui Karnival 3W (Women, Welfare, Wellness) Peringkat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang berte-

makan Hari Sifar Denggi dan Hari Bapa, di Padang Awam Batu Caves, di sini, pada 6 Julai lalu.

Pada masa sama, Dr Mariah berkata, terdapat tujuh lokasi antaranya Dataran Automobil, Seksyen 15, Shah Alam yang menjadi lokasi tumpuan pembiakan.

"Tujuh kawasan ini akan dilepaskan nyamuk yang disuntik bakteria Wolbachia oleh Kerajaan Pusat tidak lama lagi. Kawasan warga asing agak sukar untuk kita memberi pendidikan kepada mereka, jadi dalam perancangan juga untuk mengadakan program dengan majikan bagi memberi kesedaran," katanya.

Kenang jasa sejarawan

Sultan Sharafuddin berkenan namakan Jalan Prof Khoo Kay Kim



OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menamakan semula Jalan Semangat di Petaling Jaya kepada Jalan Profesor Khoo Kay Kim sebagai mengenang jasa mendiang Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, penamaan semula jalan itu mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Saya ingin memaklumkan bahawa DYMM Sultan Selangor sudah memberi perkenan

menamakan semula Jalan Semangat di Petaling Jaya kepada Jalan Profesor Khoo Kay Kim sebagai mengenang segala jasa dan bakti mendiang kepada negara," katanya dalam kenyataan.

Jalan Semangat yang terletak di Seksyen 14, Petaling Jaya itu bermula dari bangunan Sin Chew Media ke Jaya Shopping Center.

Mendiang Dr Khoo yang meninggal dunia pada 28 Mei lalu di Pusat Perubatan Universiti Malaya disifatkan sebagai seorang nasionalis dan patriot khususnya pembabitian beliau dalam merangka Rukun Negara sebagai suatu usaha mengemba-

likan keharmonian negara pasca peristiwa 13 Mei 1969.

Sebagai seorang sarjana sejarah, sumbangan besar mendiang adalah di dalam pembentukan historiografi Malaysia pada abad ke-19.

Karya utama mendiang seperti *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* menjadi kanun di dalam penulisan sejarah Malaysia.

Mendiang juga aktif memberikan pandangan berhubung politik dan isu berkaitan pembinaan negara bangsa dan sukan bola sepak.

MB zahir sembah takziah

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, merafak sembah takziah kepada seluruh kerabat diraja Selangor atas kemangkatan Kerabat Diraja Bergelar, Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Besar Putra Selangor, Tengku Ismail Shah Alhaj ibni almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, pada 8 Julai lalu.

Ucapan sembah takziah itu dizahirkan menerusi akaun Facebook milik beliau.

"Merafak sembah takziah di atas kemangkatan Kerabat Diraja Bergelar, YAM Tengku Besar Putra Selangor, Tengku Ismail Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj. "Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh almarhum dan menempatkan almarhum di kalangan para syuhada dan soleh. Al-Fatihah," tulisnya.

Ayahanda saudara kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dilaporkan mangkat di Pusat Perubatan Subang Jaya jam



8 malam kerana sakit tua pada usia 84 tahun.

Tengku Ismail Shah yang di-puterakan pada 26 Jun 1935 adalah anakanda kepada Sultan Selangor ke-7, Sultan Hisamuddin Alam Shah serta adinda kepada Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Istiadat pemakaman berlangsung di Makam Diraja Klang kira-kira jam 10 pagi, pada 9 Julai lalu.



KOMUNITI YANG SEMAKIN BERKEMBANG, mesra seperti alam semulajadi



UNIT BUMIPUTERA DAN RUMAH CONTOH SEDIA DIKUNJUNGI

Rumah Teres 2 Tingkat • PERIWINKLE 32' x 70' • WISTERIA 23' x 75 & 23' x 80' • PENDULINE 20' x 70' • LIVIA 20' x 60' & 20' x 65'
Rumah Kedai • BLOSSOM DRIVE 2 Tingkat 25' x 60' • BLOSSOM SQUARE 3 Tingkat 25' x 70', 25' x 75' | 2 Tingkat 22' x 70', 22' x 75'

017-964 0828
www.rimbayu.com

Isnin - Jumaat : 9pg - 5ptg
Sabtu, Ahad & Cuti Umum : 10pg - 5ptg

WAZE GALERI JUALAN BANDAR RIMBAYU (Dari KESAS Highway exit 506B Bandar Rimbayu)
BANDAR RIMBAYU SDN BHD (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan

An **IJM** Company

Wisteria (Phase 5) Penduline (Phase 7A1, 7A2, 7B1 & 7B2) dan Livia (10a1) Telah siap dibina dan memperolehi 'CF' Livia (Type B) • Nama Pemaju: Bandar Rimbayu Sdn Bhd (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor • No. Lesen Pemaju: 12392-11/06-2020/02120(L) Tempoh Sah: 20/06/2019 hingga 19/06/2020 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 12392-11/06-2020/02120(P) Tempoh Sah: 20/06/2019 hingga 19/06/2020 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langat • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1180 • Beban Tanah: Dicaik kepada RHB Bank Bhd. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 tahun (Tarikh Perlupusan: 23/12/2111) • Tarikh Jangka Siap: Oktober 2019 • Diskaun Bumiputera: 7% • Jenis Kediaman: Rumah Teres Dua Tingkat (20' x 60') • Jumlah Unit: 130 unit. Jumlah Unit Yang Masih Belum Terjual: 2 unit • Harga Jualan: RM661,800 (Minima), RM952,800 (Maksima) • Sekatan-Sekatan Penting: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. Livia (Type C) • Nama Pemaju: Bandar Rimbayu Sdn Bhd (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor • No. Lesen Pemaju: 12392-12/07-2019/0503(L) Tempoh Sah: 14/07/2017 hingga 13/07/2019 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 12392-12/07-2019/0503(P) Tempoh Sah: 14/07/2017 hingga 13/07/2019 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langat • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1180 • Beban Tanah: Dicaik kepada RHB Bank Bhd. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 tahun (Tarikh Perlupusan: 23/12/2111) • Tarikh Jangka Siap: April 2020 • Diskaun Bumiputera: 7% • Jenis Kediaman: Rumah Teres Dua Tingkat (20' x 65') • Jumlah Unit: 98 unit. Jumlah Unit Yang Masih Belum Terjual: 3 unit • Harga Jualan: RM725,800 (Minima), RM1,073,800 (Maksima) • Sekatan-Sekatan Penting: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUDKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



OLEH NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - Sebanyak 20 pangsapuri sekitar Ampang, Petaling Jaya, Shah Alam dan Gombak dipilih menjalankan program Duplikasi K-Inovasi dalam usaha melahirkan komuniti berdaya serta berkualiti.

EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Mohamed Talha berkata, penduduk pangsapuri boleh menghantar barangan kitar semula ke pusat pengumpulan barangan dan akan mendapat transaksi secara kupon menerusi program itu.

Katanya, kupon berkenaan boleh digunakan untuk pembayaran caj selenggara unit penghuni.

"Inisiatif kitar strata dapat menggalakkan penduduk lebih bertanggungjawab terhadap bayaran caj penyelenggaraan, malahan dapat mengatasi masalah pengurusan sampah kurang efektif.

"Ia juga boleh mendidik anak secara tidak langsung untuk belajar bagaimana mengasingkan sampah. Ini lebih baik untuk kita memberi mereka kesedaran," katanya pada Majlis Pelancaran Duplikasi K-Inovasi di Pangsapuri Desa Sepakat, Taman Sri Manja, di sini, pada 7 Julai lalu.

Haniza berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM90,000 sebagai geran projek berkenaan dan setiap pangsapuri yang dipilih akan menerima geran

Atasi pengurusan sampah kurang efektif

Kitar strata galak bayar caj selenggara

RM4,500 untuk menjayakan program itu di kawasan masing-masing.

"K-Inovasi adalah salah satu program yang mengiktiraf idea serta usaha kreatif dan inovatif sebahagian Badan Pengurusan Bersama (JMB) serta Badan Pengurusan (MC) dalam melaksana projek inovasi bagi tujuan menambah baik selain memudahcara pengurusan juga komuniti pangsapuri.

"Projek inovasi dilaksana seperti Pusat Kitar Strata dan pembayaran elektronik (e-pay) bukan sahaja berjaya, malahan meningkatkan kualiti persekitaran kejiranan selain menjana pendapatan lebih bagi menampung kekurangan kutipan caj," katanya.

Beliau berkata, Pangsapuri Iris di Saujana Utama menjadi perintis mencipta projek e-pay manakala Pangsapuri Kenanga, Gombak

Permai dengan Pusat Kitar Strata. "Kedua-dua projek ini akan dimanfaatkan ke semua pangsapuri dipilih dan menjadi



mentor kepada pangsapuri itu melalui projek K-Inovasi ini," katanya.

Pada masa sama, katanya, kejayaan inovasi JMB dan MC

menunjukkan pangsapuri negeri itu perintis dalam melaksanakan tindakan mekanisme pembiayaan komuniti iaitu salah satu pelan tindakan digariskan dalam Dasar

Perumahan Negara (DRN) 2018.

"Idea ini juga diiktiraf Kerajaan Puat sehingga dimasukkan dalam pelan tindakan DRN bagi mencapai fokusnya," katanya.

Waspada jenayah kolar putih

SHAH ALAM - Juruaudit dalaman sektor awam perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran bagi mengesan jenayah kolar putih terutama dalam bidang kewangan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, hal itu boleh diatasi melalui kemahiran perakaunan forensik dengan menyatakan fakta terperinci bagi sesuatu kes membabitkan wang.

"Saya ingin menyeru kepada juruaudit khususnya sektor awam supaya sentiasa keterhadapan ilmu pengetahuan terkini kerana pelaku jenayah kolar putih ini licik untuk memanipulasi sistem sedia ada.

"Setiap juruaudit perlu mendalami kemahiran perakaunan forensik bagi mengesan kerosakan yang dilakukan penjawat awam tidak bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Pengauditan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam yang turut dihadiri Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Harris Kasim, pada 8 Julai lalu.

Katanya, audit dalaman juga bertanggungjawab membuat



proses semak dan imbang serta menasihati organisasi untuk mematuhi amalan integriti selain bebas daripada penyalahgunaan kuasa.

Di samping itu, Sze Han berkata, juruaudit juga mata dan telinga kepada pihak pengurusan supaya aktiviti penyelewengan dapat dibentaras.

Seminar Pengauditan PBT Malaysia yang berlangsung selama dua hari sehingga 9 Julai lalu disertai 157 kakitangan PBT seluruh negara bertemakan "Meningkatkan Nilai Pengauditan Melalui Juruaudit, Prestasi dan Profesionalisme".

Berlangsung di Hotel Concorde, di sini, seminar itu adalah landasan berkongsi idea dan pengalaman pengurusan pengauditan serta memperkenalkan konsep asas analisa data juga isu terkini berhubung pengauditan prestasi projek di PBT.

Sebanyak lima kertas pembentangan dibentangkan menerusi tajuk 'Urustadhir Pihak Berkuasa Tempatan, Peranan Audit Dalam'; 'Pembudayaan Penggunaan Teknologi Dalam Proses Analisa Data-Isu dan Cabaran' serta 'Pengauditan dan Pelaporan Terhadap Prestasi Projek PBT-Cabaran dan Strategi'.

Simpan penyedut minuman plastik

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menasihatkan pemilik premis makanan di Selangor menyimpan semua penyedut minuman plastik milik mereka.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, ia bagi mengelakkan orang ramai khususnya pelanggan mendapatkan bahan berkaitan dengan lebih mudah.

Beliau juga mendapati larangan penggunaan penyedut minuman plastik di negeri itu masih lemah.

"Ia kerana masih ada premis makanan termasuk restoran menyediakannya secara bebas kepada pelanggan termasuk meletakkan penyedut itu di kaunter bayaran.


"Oleh itu, saya ingin nasihatkan pemilik premis supaya menyimpan penyedut minuman plastik. Jika pelanggan minta

barulah diberi," katanya bagi mengulas perkembangan terbaru kempen larangan penggunaan penyedut minuman plastik, bermula 1 Julai lalu.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Cek Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Selangor 2019 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, pada 8 Julai

lalu. Loy Sian berkata, penguatkuasaan larangan itu adalah cara untuk pihaknya mendidik orang ramai supaya dapat mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik sebelum penguatkuasaan sebenar dijangka dilaksanakan, pada 2025.

"Kita mahu pengguna dibiasakan dengan penggunaan penyedut minuman dibuat daripada kertas, buluh dan besi," katanya.



Syarikat China labur 422 projek

PETALING JAYA - Syarikat China melabur dalam 422 projek dalam sektor pengilangan di Malaysia sehingga akhir 2018 dan mewujudkan kira-kira 73,000 pekerjaan sejak Inisiatif Jalur dan Jalan (BRI) diperkenalkan.

Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian berkata, pelaburan langsung asing China dalam sektor perkilangan di Malaysia meningkat lebih empat kali ganda dalam tempoh lima tahun lalu dan menjadi sumber pelaburan asing terbesar dalam sektor itu untuk tempoh tiga tahun berturut-turut.

"Kami percaya menerusi sinergi antara semua pihak, kerjasama BRI pasti akan menjadi lebih mendalam, stabil dan luas.

"Jalur dan Jalan akan menjadi jalan perdamaian dan kemakmuran. Pada masa sama membuka pembangunan hijau, inovasi, menghubungkan tamadun dan kerajaan yang bersih," katanya pada Forum Tinjauan Malaysia-China 2019, di sini, pada 8 Julai lalu.

Memetik beberapa contoh, Bai Tian berkata, Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia dan Taman Industri Kuantan Malaysia-China, dirujuk sebagai 'Taman Berkembar Dua Negara' dan projek lain seperti Keretapi Gemas-Johor Bahru yang berjalan lancar.

Jalur dan Jalan akan menjadi jalan perdamaian dan kemakmuran. Pada masa sama membuka pembangunan hijau, inovasi, menghubungkan tamadun dan kerajaan yang bersih

BAI TIAN
Duta Besar China

Selepas rundingan mesra, Laluan Rel Pantai Timur juga akan diteruskan.

China Railway Rolling Stock Corp sudah menubuhkan kilang gerabak di Perak, yang dilengkapi teknologi canggih serta kapasiti pengeluaran terbesar dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Proton juga kini semakin hampir untuk membuat keuntungan, hanya selepas setahun berkerjasama dengan Geely China.

Acara bertema 'Apa Seterusnya selepas Forum BRI Beijing' dianjurkan oleh The Star Media Group. - BERNAMA

Perkasa usahawan Selangor

Tembusi pasaran halal Thailand

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Selangor dalam misi penembusan pasaran halal Thailand melalui ASEAN Mall yang terletak di Patani sebagai salah satu pendekatan memperkasa ekonomi usahawan, di negeri itu.

EXCO Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail berkata, usaha berkenaan digerakkan menerusi kesefahaman dan kerjasama yang bakal dijalin dengan sebuah anak syarikat ditubuhkan oleh Universiti Fatoni iaitu Patani Jaya Holding.

"Kerajaan Negeri mengalukan sebarang usaha progresif dan strategik yang boleh memberi faedah serta pulangan baik kepada kedua-dua pihak.

"Pada masa sama, usahawan dari wilayah Patani dipelawa bagi meneroka peluang perkembangan perniagaan yang memiliki prospek cerah untuk dilaksanakan di Selangor.

"Kita berharap dengan adanya kerjasama ini akan memberi man-



faat yang luas kepada usahawan di Selangor," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, Rodziah yang juga Ahli Dewan Negeri Batu Tiga mengadakan lawatan kerja rasmi ke wilayah terbabit selama tiga hari bermula 5 hingga 7 Julai lalu dalam menjayakan pembangunan Patani Jaya.

Beliau berkata, lawatan itu juga adalah sebahagian daripada langkah Kerajaan Negeri

untuk meneroka peluang baharu bagi mempromosikan produk usahawan Selangor ke rantau Asia Tenggara.

"Ia termasuk peluang pemasaran dan perdagangan rentas sempadan, pengembangan perusahaan mikro, peningkatan hasil jualan, peningkatan peluang pekerjaan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi Selangor serta wilayah Patani," katanya.



3RD SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2019

SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2019

GERBANG ASEAN ANDA

Platform peneraju untuk usahawan tempatan dan antarabangsa berhubung, berkerjasama dan mewujudkan pelbagai peluang.

10 - 13 OKTOBER 2019

MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE & EXHIBITION CENTRE (MITEC)

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di www.selangorsummit.com

Temui Inovasi Baharu

Persidangan Tokoh Peneraju Perniagaan ASEAN

Program Pemadanan Perniagaan untuk Industri F&B

Terokai Teknologi Terkini

Dihoskan oleh



Dianjurkan oleh



Dianjurkan bersama oleh



Diiktiraf oleh



selangorsummit



Diurus cara profesional

Cantum jadi ladang, jana hasil lumayan

ROMPIN - Kerajaan merancang tanah-tanah peneroka FELDA dicantum menjadi ladang besar yang mampu memberi hasil lumayan menerusi pengurusan efisien dengan cara yang lebih profesional, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pengurusan sedemikian diamalkan estet ladang besar milik orang asing sejak zaman pentadbiran British, yang membolehkan pemilik ladang masih memperoleh keuntungan walaupun marginnya kecil ekoran kejatuhan harga komoditi dan tanaman yang diusahakan, selain tidak perlu bergantung kepada subsidi kerajaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, usaha meyakinkan peneroka FELDA untuk mewujudkan ladang besar itu pada peringkat awal mungkin menghadapi kesukaran terutamanya dalam kalangan generasi pertama yang sudah berusia lebih 60 tahun.

"Mereka sudah menjadi peneroka sejak awal dan untuk menukar mindset mereka susah. Tapi mereka adalah pemilik tanah dan kalau kita boleh mendapat kawasan yang lebih luas untuk

diuruskan oleh mereka yang profesional, kita yakin boleh mengeluarkan lebih banyak hasil.

"Pendapatan boleh dibahagikan mengikut luas kawasan tanah yang disumbangkan. Mereka (peneroka) boleh bekerja dengan pengurusan ladang atau mendapat keuntungan hasil mengikut tanah," katanya pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2019 di FELDA Selancar 3, di sini, pada 7 Julai lalu.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Bakke Salleh; Pengarah Besar FELDA, Datuk Dr Othman Omar dan Ketua Peneroka FELDA, Sulong Jamil Mohamed Shariff.

Dr Mahathir berpandangan rancangan itu sepatutnya sudah lama dilaksanakan dan untuk tujuan itu, FELDA akan melaksanakannya di mana-mana kawasan tanah rancangan yang mempunyai keluasan sekurang-kurangnya 404 hektar.

Pengurusan FELDA juga, kata Perdana Menteri, tidak boleh

hanya bergantung kepada hanya tanaman kelapa sawit atau getah seperti diamalkan sekarang supaya pendapatan golongan peneroka tidak terjejas jika berlaku kejatuhan harga komoditi berkenaan.

"Kawasan yang dicantumkan besar kemungkinan menjadi 1,000 atau 2,000 ekar (bersamaan 404 atau 808 hektar) dan daripada jumlah itu, mungkin kita boleh ambil 80 hektar untuk tanam tanaman lain... seperti kita lihat di Pahang, tanahnya subur, tembikai serta nanas boleh ditanam, di sini.

"Kita hendak elak daripada terlalu bergantung kepada tanaman tunggal dengan menanam tanaman yang mempunyai permintaan lebih besar dalam dan luar negara selain membantu rantaian bekalan negara," katanya.

Mengulas mengenai jenis tanaman yang sesuai untuk model baharu FELDA itu, Dr Mahathir berkata, pengurusan FELDA akan berbincang dan mendapatkan nasihat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung perkara itu.

Sebagai contoh, beliau berpandangan Kedah dan Perlis sesuai untuk tanaman manggayang boleh mendatangkan pendapatan

Mereka sudah menjadi peneroka sejak awal dan untuk menukar 'mindset' mereka susah

TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri



lumayan kepada pengusahanya selain tanaman bunga yang mempunyai harga tinggi di pasaran.

Terdahulu, semasa berucap di hadapan ribuan peneroka FELDA, Dr Mahathir berkata, pengurusan FELDA perlu disusun semula supaya agensi itu ditadbir oleh golongan profesional seperti diamalkan pengurusan ladang estet berskala besar bagi membolehkan FELDA memperoleh keuntungan yang tinggi.

"Kita lihat bagaimana ladang ini memberikan pendapatan yang baik apabila diuruskan dengan baik. Bagaimanapun kita dapati pada masa akhir ini berlaku perbuatan tidak menguntungkan FELDA sama sekali.

"Sekarang ini, kita menanggung hutang yang banyak kerana banyak urusan yang dibuat (sebelum ini) telah menyeleweng selain mereka juga melakukan perkara yang tidak diizinkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, FELDA membuka tanah lebih 404,685

hektar, yang merupakan antara kawasan perladangan terbesar di dunia, namun ia masih tidak mampu untuk memberi pendapatan tinggi kepada peneroka berikutan pengurusan yang berbeza dengan cara pengurusan estet besar.

Sehubungan itu, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk memberi pendapatan lebih baik kepada peneroka, menerusi rancangan kegunaan tanah lebih luas untuk memberi hasil lebih baik dengan tanaman yang pelbagai.

Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM637 juta bagi pelaksanaan tiga projek di Pahang iaitu Tangki Imbangan berkapasiti 106 juta liter sehari (JLH) di kawasan perindustrian Gebeng bernilai RM173 juta dan Loji Rawatan Air Semambu Fasa 3 berkapasiti 145 JLH (RM446 juta) kedua-duanya di Kuantan serta projek mengatasi masalah gangguan bekalan air bersih, di Raub (RM18 juta). - BERNAMA

FELDA bakal bangkit semula bawah PAKATAN

ROMPIN - FELDA akan bangkit semula dengan keyakinan peneroka kembali utuh di bawah pengurusan baharu kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) bagi membela masa depan golongan peneroka, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, komitmen kerajaan untuk mengembalikan kegemilangan FELDA itu dilaksanakan menerusi Program Pembangunan Peneroka (PPP), yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

PPP yang merangkumi aktiviti berasaskan program tanaman dan selingan yang mampu memberikan hasil dalam tempoh singkat dan aliran tunai konsisten dilancarkan pada sambutan Hari Peneroka Peringkat Kebangsaan 2019 di FELDA Selancar 3, di sini, pada 7 Julai lalu.

Mohamed Azmin berkata, FELDA di bawah kepimpinan pengasasnya, Tun Abdul Razak Hussein, yang juga Perdana Menteri kedua Malaysia, berjaya membantu mengurangkan



jurang ekonomi Melayu dan Bumiputera menerusi pembukaan tanah kerajaan, yang pada suatu ketika membolehkan negara menyumbang 25 peratus kepada pengeluaran kelapa sawit dunia.

"Malangnya sejak beberapa tahun lalu, kita menyaksikan kerakusan pimpinan atasan FELDA yang terdiri daripada orang politik

yang terlalu banyak bermain politik sehingga peneroka menjadi mangsa dan dibebankan dengan masalah besar," katanya ketika berucap di hadapan ribuan peneroka pada sambutan itu.

Mohamed Azmin berkata, belajar daripada kesilapan itu, PAKATAN berjanji untuk memastikan pengurusan agensi

itu hanya ditadbir oleh mereka berintegriti dan berwibawa. Katanya, pelantikan Tan Sri Mohd Bakke Salleh sebagai Pengerusi FELDA, berkuat kuasa 1 Julai, dilihat berkemampuan untuk membawa agensi itu ke peringkat baharu dengan bantuan dan sokongan akar umbi peneroka.

Mohamed Azmin berkata, PPP bukan hanya untuk memastikan masa depan lebih mampan dan menjaga kebajikan peneroka, tetapi juga berperanan melihat industri perladangan kekal maju dan meningkatkan produktiviti menerusi penggunaan teknologi moden.

Selain itu, kerajaan juga amat maklum dengan permasalahan peneroka seperti bebanan hutang yang cukup tinggi dan masalah perumahan generasi kedua yang banyak terbelongkai.

Berhubung masalah perumahan terbelongkai, Mohamed Azmin berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM250 juta bagi menyiapkan projek perumahan berkenaan, khususnya yang tahap kemajuan pembinaannya sudah

mencapai 70 peratus, pada tahun ini. Katanya sebanyak 1,400 unit rumah generasi kedua sudah memperoleh sijil layak menduduki dan dijangka diserahkan kepada pemiliknya dalam masa terdekat.

Mohamed Azmin berkata, kerajaan menampung RM2 bilion untuk menghapuskan hutang peneroka dan walaupun jumlah itu besar, kerajaan menyifatkan 'tidak mengapa' asalkan hutang dapat dikurangkan demi membolehkan peneroka hidup dengan lebih selesa.

Beliau berkata, kerajaan turut bersetuju supaya Anugerah Keceriaan Kampung Felda (AKKF) yang menawarkan hadiah wang tunai RM1 juta dipecahkan bermula tahun depan kepada johan, naib johan dan tempat ketiga berbanding hanya satu pemenang sebelum ini.

"Saya percaya program AKKF ini dapat memupuk rasa muhibah, perpaduan dan persaudaraan antara peneroka di setiap kampung supaya bersama-sama bergotongroyong dengan semangat ukhuwah yang baik," katanya. - BERNAMA



Warga kerja Air Selangor bersorak selepas selesai sesi Zumba mereka di majlis pelancaran program sihat dan cergas.

Air Selangor galakkan warga kerja untuk kekal aktif, cergas dan sihat

Syarikat memperkenalkan inisiatif kesihatan berkebajikan bagi membantu warga kerja menumpukan perhatian kepada kehidupan lebih sihat serta kecergasan diri



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (Air Selangor), dengan kerjasama sebuah syarikat insurans terkemuka di dunia, sudah memperkenalkan sebuah program kesihatan dalam usaha menggalakkan warga kerjanya menjalani gaya hidup lebih sihat.

Program kesihatan berkebajikan ini dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman, dalam satu acara bertemakan kecergasan yang diadakan di Bangsar South baru-baru ini.

Program ini bertujuan membantu warga kerja menjalani kehidupan yang lebih sihat dan pada masa sama memberi ganjaran kepada warga kerja di atas usaha mereka untuk kekal sihat.

Program ini bukan sahaja mendedahkan warga kerja kepada ilmu dan asas kesihatan, malahan ia turut memberi mereka motivasi bagi mencapai matlamat kesihatan diri mereka. Program ini mempunyai tiga segmen utama iaitu mempelajari aspek kesihatan, mengetahui lebih lanjut berkenaan cara meningkatkan tahap kesihatan serta berpeluang untuk menikmati ganjaran yang ditawarkan melalui aktiviti berunsurkan kesihatan dan kecergasan.



Suhaimi melancarkan program sihat dan cergas.

Air Selangor berharap dengan program kesedaran kesihatan yang tersusun ini, ia bukan hanya dapat mempromosi dan menanam kepentingan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja, malahan juga membantu meningkatkan kerjasama berpasukan, mengurangkan kos perubatan jangka panjang serta memberi ganjaran kepada warga kerja melalui program kesihatan yang mereka lalui.

Seramai 400 warga kerja mengambil bahagian dalam pelancaran program ini.

Banyak aktiviti berunsurkan kesihatan dan kecergasan dirancang bagi tujuan menyampaikan mesej tentang pentingnya gaya hidup sihat kepada lebih 4,500 warga kerja Air Selangor.

Dalam majlis itu, Suhaimi juga menyampaikan 224 jam tangan FitBit kepada warga kerja Air Selangor yang tidak

pernah mengambil cuti sakit sepanjang tahun 2018 sebagai tanda penghargaan.

Warga kerja yang menyertai program kesihatan dan kecergasan ini juga diberikan taklimat berkenaan faedah serta ganjaran yang bakal diperolehi melalui pembabitian warga kerja di dalam menjayakan program ini.

Antara ganjaran yang boleh dinikmati adalah tawaran diskaun untuk keahlian gim, diskaun bagi peralatan kecergasan boleh pakai, diskaun untuk pakaian senaman, diskaun pembelian bagi pemakanan sihat, diskaun penyaringan kesihatan serta penilaian kecergasan, diskaun hotel, diskaun tiket penerbangan, tiket wayang dan lain-lain.

Di samping itu, mereka yang terbabit dalam program ini boleh juga menikmati potongan diskaun sebanyak 15 peratus hingga 50 peratus yang turut ditawarkan oleh rakan kongsi seperti AirAsia, Berjaya Hotels and Resorts, BP Healthcare, Fitbit, Fitness First, Garmin, Guardian, Marriott, Medklinn, Reebok dan Majalah Men's Health serta Women's Health.

Program ini juga disepadukan dengan pelbagai aplikasi mudah alih dan alat kecergasan boleh pakai, sekali gus memudahkan ahli untuk memantau serta merekodkan aktiviti mereka bagi tujuan mendapatkan mata ganjaran.

Mereka yang hadir pada pelancaran berkenaan turut mengambil bahagian dalam sesi zumba yang diketuai jurulatih profesional daripada salah sebuah pusat kecergasan yang terkemuka di negara ini.



Pegawai penguat kuasa dan wartawan Malaysia memeriksa kontena berisi buangan plastik sebelum dihantar pulang ke negara asal di Pelabuhan Klang pada 28 Mei 2019. - Foto AFP

Lindungi orang awam dan persekitaran

Hantar balik 210 tan sampah

JAKARTA - Indonesia akan menghantar pulang lebih 210 tan sampah ke Australia, mengikut langkah negara Asia Tenggara yang menolak dijadikan tempat pembuangan sampah asing.

Lapan kontena itu sepatutnya mengandungi kertas namun pihak berkuasa mendapati ia bercampur bahan berbahaya dan sisa buangan rumah seperti lampin, bahan elektronik, tin dan plastik, lapor AFP.

Menyita buangan itu di Surabaya, kerajaan Indonesia mencadangkan ia mesti "dieksport semula" kata kastam republik berkenaan kepada agensi berita itu.

"Tindakan ini diambil untuk melindungi orang awam dan persekitaran Indonesia

terutama di Jawa Timur daripada sisa sampah jenis B3," katanya, merujuk bahan berbahaya dan toksik.

Minggu lepas, Indonesia mengumumkan untuk menghantar balik 49 kontena sampah ke Perancis dan negara-negara maju lain.

Mei lalu, Malaysia mengumumkan untuk mengembalikan 450 tan sisa plastik ke negara pengeksporth termasuk Australia, Bangladesh, Kanada, China, Jepun, Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, Filipina memulangkan kira-kira 69 kontena sampah ke Kanada bulan lalu, sekali gus mengakhiri ketegangan hubungan diplomatik dua negara itu.

Masjid di Jerman dikosong susulan ancaman bom

COLOGNE - Masjid Pusat Cologne di Jerman, yang terbesar di barat bandar itu, telah dikosongkan pada 9 Julai susulan ancaman bom yang dihantar menerusi e-mel, lapor agensi berita Turki Anadolu memetik para pegawai masjid.

Polis menyita jalan raya di kawasan Ehrenfeld di bandar itu dan mengosongkan kompleks Masjid Pusat Cologne, yang dikendalikan oleh kumpulan penaung Turki-Islam iaitu DITIB.

Ibu pejabat DITIB turut dikosongkan. Jerman telah menyaksikan perkembangan Islamofobia sejak beberapa tahun kebe-

lakangan ini yang dicituskan oleh propaganda parti dan pergerakan pelampau kanan.

Polis telah mencatat sejumlah 813 jenayah kebencian terhadap umat Islam tahun lepas, termasuk menghina, surat ugutan, serangan fizikal dan serangan ke atas masjid.

Jerman, sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk lebih 81 juta orang, mempunyai populasi Islam kedua terbesar di Eropah Barat selepas Perancis.

Antara hampir 4.7 juta umat Islam di negara itu, tiga juta adalah berasal dari Turki. - BERNAMA

PM Singapura ucap hari lahir Tun Mahathir

SINGAPURA - Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, pada 10 Julai mengucapkan selamat hari lahir ke-94 kepada rakan sejawatannya dari Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"My best wishes to him on his birthday. (Saya doakan yang terbaik buatnya pada hari jadi beliau)," kata Lee dalam hantaran Facebooknya.

Hantaran itu turut memuatkan sekeping gambar beliau dan isteri, Ho Ching bersama-sama Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ketika pasangan itu melawat Singapura sempena Sidang Kemuncak ASEAN tahun lalu.

"We named an orchid, the Dendrobium Mahathir Siti Hasmah, in their honour. (Kami menamakan bunga orkid Dendrobium Mahathir Siti Hasmah, sebagai

My best wishes to him on his birthday. (Saya doakan yang terbaik buatnya pada hari jadi beliau).

LEE HSIEN LOONG
Perdana Menteri Singapura
(dalam hantaran Facebooknya)

penghormatan kepada mereka)," kata Lee menerusi kapsyen pada foto itu.

Lee juga menyatakan beliau mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri Malaysia itu dan isterinya ke perarakan Hari Kebangsaan republik itu, bulan hadapan. - BERNAMA



Tun Dr Mahathir Mohamad bersama isteri diapit Lee Hsien Loong (kiri) dan isteri bergambar dengan orkid yang diberi nama 'Dendrobium Mahathir Siti Hasmah' sempena kunjungannya ke Singapura, November 2018. - Foto BERNAMA

Trump dilarang sekat pengguna Twitter

NEW YORK - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump didapati melanggar perlembagaan kerana menyekat pengkritiknya di akaun Twitter peribadinya.

Keputusan itu dibuat oleh Mahkamah Rayuan Persekutuan di Manhattan di sini, pada 9 Julai lalu dengan mengekalkan keputusan mahkamah rendah pada Mei tahun lalu, lapor Reuters.

Panel tiga hakim sepakat menyatakan Perkara Satu perlembagaan menghalang Trump menggunakan fungsi "menyekat" pengguna media sosialnya, yang diikuti oleh 61.8 juta pengguna.

Presiden dan Rumah Putih disaman oleh Institut Perkara Satu Knight di Universiti Columbia dan tujuh pengguna Twitter yang disekat kerana berbeza pandangan politik.

Trump memang terkenal sering meluahkan pandangan kontroversi di media sosial berkenaan, yang mendapat kritikan daripada para pengikut akaunnya.

Jabatan Kehakiman yang bertindak bagi pihak kerajaan berkata, presiden menggunakan Twitter untuk memberi pandangan,



bukannya ruang untuk perbincangan.

Namun Hakim Barrington Parker, yang memetik beberapa keputusan Mahkamah Agung dalam penghakiman mereka, tidak bersetuju dengan alasan berkenaan.

Jurucakap Jabatan Keadilan melahirkan rasa kecewa dengan keputusan mahkamah dan bercadang mengambil langkah-langkah seterusnya.



Hab Pendidikan Holistik

Pemacu Agenda Selangor Maju Bersama

Dialog Bajet 2020 ialah satu platform yang dianjurkan setiap tahun untuk percambahan idea untuk mendapatkan input dan maklum balas dari komuniti, rakan pembangunan dan industri berhubung penyediaan belanjawan yang lebih komprehensif dan menyeluruh bagi tahun 2020.

Bermula tahun lalu dialog diadakan dengan lebih serius dan fokus kepada tema tertentu membabitkan pemegang taruh daripada pelbagai bidang.

Tema dialog ini adalah Hab Pendidikan Holistik: Pemacu Agenda "Selangor Maju Bersama" membuka ruang serta peluang kepada umum untuk terbabit sama dalam memberi input, idea dan cadangan bernas bagi memastikan pembangunan pendidikan serta modal insan di Selangor dapat dilaksanakan secara holistik juga mempunyai impak yang cemerlang.

Bagi memastikan kesinambungan pertumbuhan ekonomi Selangor, inisiatif memperkasakan sumber tenaga manusia perlu dilaksanakan secara komprehensif dan efisien.

Usaha mempersiapkan sumber tenaga manusia yang seiring dengan keperluan industri serta dapat menarik pelabur ke Selangor harus dilakukan dengan terancang. Selangor adalah tumpuan pengembangan institusi pendidikan. Selangor mempunyai institusi pengajian tinggi terbanyak di Malaysia iaitu melebihi 160 buah.

Daripada lima universiti penyelidikan yang diiktiraf di Malaysia, tiga terletak di Selangor iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Universiti Malaya menduduki tem-

pat ke-70 menerusi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020, Petaling Jaya penerima UNESCO'S Learning City Award 2019.

Gugusan pendidikan membabitkan Gombak dan daerah di Selatan seumpama Sepang dan Hulu Langat. Wilayah ini mempunyai pusat pengajian dan puluhan ribu pelajar. Aspirasi Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Boston of Malaysia.

Gugusan pendidikan akan menjadi suatu landasan yang akan menumpukan kepada pemberdayaan golongan belia, kelompok akademik dan warga penyelidik memperoleh akses kepada pembelajaran dan penyelidikan sejajar dengan kehendak industri serta jaminan pekerjaan.

Kerajaan Negeri sudah menyediakan pelbagai inisiatif pendidikan di setiap peringkat. Bermula daripada pendidikan awal sehingga peringkat pengajian tinggi.

Untuk pendidikan awal Kerajaan Negeri sudah menyediakan Program Skim Tunas untuk anak tadika bermula daripada lima sehingga enam tahun.

Bagi peringkat sekolah rendah dan menengah pula, Kerajaan Negeri sudah memberi inisiatif yang berbentuk bantuan penambahbaikan infrastruktur sekolah melalui program Bantuan Sekolah Negeri Selangor.

Bagi pelajar yang juga calon peperiksaan

Sijil Pelajaran Malaysia, Kerajaan Negeri sudah menyediakan Program Tuisyen Rakyat Selangor khusus untuk meningkatkan pencapaian akademik. Pendidikan tinggi adalah satu pelaburan jangka panjang dan tidak boleh diukur dengan pulangan bersifat jangka pendek.

Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan serius dalam pembangunan pendidikan tinggi dengan pelbagai inisiatif sudah diambil seperti Program Peduli Siswa, Hadiah Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) bagi anak Selangor untuk memulakan pengajian di IPT.

Selain itu, pelaksanaan program pembangunan mahasiswa juga dijalankan dengan pembabitan terus dengan masyarakat seperti program bakti siswa. Selain itu, bagi mendekati mahasiswa program jelajah IPT bersama Dato' Menteri Besar ke universiti juga turut dijalankan.

TVET - "Technical and Vocational Education and Training" atau Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) adalah satu mekanisme yang dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor dalam usaha mendepani pembangunan latihan kemahiran teknikal dan ikhtisas di Selangor.

Pelaksanaan program IKTISASS memerlukan ekosistem yang sistematik dan berterusan bagi memastikan ia mencapai objektif

serta memberi impak kepada pembangunan di Selangor.

Pelaksanaan program IKTISASS yang akan dilaksanakan berpaksikan lima fokus industri di Selangor iaitu pertama: Sains Hayat (Life Sciences), kedua: Makanan dan Minuman (Food dan Beverages), ketiga: Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics), keempat: Jentera & Kejuruteraan (Machinery & Engineering) dan kelima: Pengangkutan & Peralatan (Transportation & Equipment).

Pembelajaran sepanjang hayat adalah agenda utama kerajaan dalam usaha membangunkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Justeru itu, kerajaan menitikberatkan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat.

Kerjasama pintar akan diperkukuhkan lagi dengan beberapa agensi kerajaan lain dalam merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat ini.

Antara agensi yang boleh bekerjasama antaranya Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Universiti Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, institusi pengajian tinggi (IPT) dan kolej komuniti di Selangor. Usaha ini untuk meningkatkan minat rakyat terhadap ilmu dan ilmu itu tidak lagi bersifat eksklusif dalam IPT sahaja, malahan ia boleh diakses di mana sahaja.



ADN IJOK

Dr Idris Ahmad

Memantau aktiviti peserta program 'The 6th Annual English Language Camp 2019' di Batang Berjuntai



ADN PERMATANG

Rozana Zainal Abidin

Menyampaikan sumbangan alat bantuan pernafasan kepada penghidap asma di Tanjong Karang



KIRI

Pengunjung mencuba peralatan mikroskop pada Karnival 3W di Selayang
I FIKRI YUSOF



KIRI

Nur Aleesya Safia, 10, menimbang barang buangan di Pusat Kitar Semula Pangsapuri Desa Sepakat
I ASRI SAPPFIE

KANAN

Aksi paragliding pada Majlis Pelancaran Program Pemurnian Pelancongan Selangor di Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu
I HAFIZ OTHMAN



ADN JERAM

Shaïd Rosli

Menyerahkan sumbangan kepada bakal haji di Bandar Puncak Alam



ADN SERDANG

Siti Mariah Mahmud

Bergambar bersama peserta Program Perintis Pembangunan Komuniti di Seri Kembangan



KANAN

Kanak-kanak riang bermain gelongsor angin di Padang Awam, Kajang
I REMY ARIFIN



KIRI

Penternakan ikan sangkar menabur makanan pada waktu pagi di Pulau Ketam
I ASRI SAPPFIE



KANAN

Aplikasi I-station di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam mendapat tumpuan umum
I HAFIZ OTHMAN



ADN SUBANG JAYA

Michelle Ng

Meninjau kawasan penduduk yang terkesan dengan kes denggi di USJ 2/5



ADN HULU BERNAM

Rosni Sohar

Menziarahi mangsa ribut di Dewan Semai Bakti Felda Soeharto, di Hulu Selangor

KIRI

Pemain mempamerkan kemahiran pada Kejohanan Sepak Takraw Sukan Belia PPR Lembah Subang 2
I FIKRI YUSOF



KANAN

Petani menyembur baja di kawasan sawah sekitar Sekinchan
I REMY ARIFIN





ADN muda Selangor sambut baik

Turun had umur mengundi



OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Langkah kerajaan meminda had umur mengundi kepada 18 tahun disambut baik Ahli

Dewan Negeri (ADN) Selangor. ADN Bandar Utama, Jamaliah Jamaluddin berkata, bagaimanapun kerajaan perlu memberi lebih banyak pendedahan atau akses

untuk golongan muda untuk mengetahui tentang proses demokrasi dan pengetahuan asas berkaitan sistem pentadbiran negara.

"Saya menyambut baik langkah

Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen," katanya ketika dihubungi SelangorKini, di sini, baru-baru ini.

Jamaliah berkata, isu kematangan tidak timbul sama sekali ke-

ini kerana banyak negara maju lain turut memberi hak mengundi kepada mereka berumur 18 tahun.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu memastikan sebelum 18 tahun lagi mereka mendapat akses kepada pengetahuan asas tentang demokrasi seperti proses mengundi, kerajaan dan hal berkaitan kerana kita tidak mahu golongan muda ini ada yang tidak dapat membezakan antara Dewan

rana ia adalah satu perkara yang subjektif dan tidak boleh diukur melalui umur seseorang.

Katanya, beliau yakin kerajaan sudah membuat kajian mendalam sebelum membentangkan pindaan itu di Parlimen. ADN Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli pula berkata, langkah itu satu usaha ke arah perubahan lebih progresif dan demokratik di bawah era pentadbiran Malaysia Baharu.

"Saya menyambut baik cadangan ini kerana sebahagian besar penduduk negara adalah terdiri daripada anak muda.

"Mereka wajar diberi ruang seluasnya untuk menentukan corak masa depan negara dengan menentukan kepimpinan negara melalui pilihan raya yang bersih dan adil," katanya.

Henti buang, bakar sampah di Kampung Lombong

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, memberi amaran keras kepada pihak tidak bertanggungjawab yang membuang sampah secara pukal, sekali gus membakarnya di Kampung Lombong, di sini, selain meminta mereka menghentikan perbuatan itu serta-merta.

Katanya, ia bukan sahaja boleh mengakibatkan jerebu, bahkan berisiko merebak ke kawasan lain.

"Kita berjaya mengesan kegiatan ini di Jalan Lombong Timah 3, di sini, yang sudah dilakukan, sejak setahun lalu.

"Mereka membuang pelbagai jenis sampah khususnya sisa industri. Dulu tidak



tindakan susulan. Kita juga sudah mengenal pasti tuan tanah ini dan tindakan susulan akan diambil," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan supaya orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau melihat sebarang tindakan mencurigakan supaya melaporkannya kepada pihak berwajib.

"Semua pihak juga diingatkan supaya tidak membiarkan tanah atau premis mereka dimasuki juga dicerobohi pihak tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada dengan sengaja mahupun tidak," katanya.

Mereka yang berdegil dan didapati mencetuskan pembakaran terbuka boleh dikenakan tindakan mengikut undang-undang sedia ada antaranya kompaun sehingga RM500,000 atau penjara, jika sabit kesalahan selain tindakan merampas tanah.

banyak macam ini, sekarang longgokan semakin banyak," katanya kepada SelangorKini, di sini, baru-baru ini.

Mohd Zawawi berkata, kebakaran yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab di kawasan itu menyukarkan kerja pihak bomba kerana mengambil masa sehari-hari untuk memadam api.

"Saya sudah memaklumkan perkara ini kepada Majlis Bandaraya Shah Alam untuk

TAMAN SEMPURNA JAYA

HAK MILIK KEKAL

2-Tingkat
Rumah Teres

Luas Tanah
20'x65' | 20'x70'

Luas Binaan
1,772kp
1,893kp

Diskaun Bumi 7%

JWGC
JAWA WISATA DEVELOPMENT SDN BHD

018 355 8928
www.sempurnajaya.com.my

Inovasi terkini pakaian patuh syariah

Naura Syarie tawar lima warna menarik

OLEH NURUL FARINA NAZLAN

Perkembangan industri fesyen Muslimah semakin berkembang di Malaysia terutama apabila pereka semakin berani mengetengahkan rekaan terkini bagi membolehkan kaum hawa bergaya tetapi masih mengekalkan konsep patuh syariah.

Naura Syarie, jenama fesyen Muslimah terbaru tanah air yang mengetengahkan rekaan dengan citarasa moden dan terkini yang bukan sahaja sesuai digayakan bagi mereka yang ingin menunaikan umrah atau haji tetapi turut sesuai dipakai ketika membeli-belah.

Pengasas Naura Syarie, Muzlina Murad berkata, beliau terpanggil untuk mengeluarkan pakaian berkonsep patuh syariah kerana sukar untuk didapati di pasaran, selain harga yang mahal.

Katanya, Naura Syarie adalah 'French' hijab iaitu pakaian patuh syariah selalunya popular bagi golongan Muslimah di negara Eropah seperti Turki dan Perancis ekoran mudah digayakan serta sesuai mengikut peredaran masa.

"Naura Syarie menawarkan pakaian syariah dengan kualiti, bahan dan jahitan yang pasti memuaskan hati pelanggan kami.

"Malah, ia bukan sahaja sesuai untuk mereka yang bakal menunaikan umrah atau haji tetapi boleh dibawa untuk keluar bagi aktiviti riadah atau membeli-belah selain dibawa untuk menunaikan solat di masjid," katanya kepada SelangorKini, di sini, baru-baru ini.

Keistimewaan jadi tarikan

Muzlina berkata, Naura Syarie menawarkan lima pilihan warna kepada pelanggan iaitu hitam, biru, hijau emerald, ungu dan coklat mustard menggunakan bahan import 'woolpeach' yang berkualiti tinggi.

"Warna yang sering mendapat tempat di hati pelanggan adalah biru dan hitam. Kami dalam proses untuk menambah lagi bilangan warna mengikut permintaan pasaran seperti pastel dan gelap.

"Bahan yang kami import ini bukan

sahaja tebal, malahan sejuk, lembut dan jatuh beralun. Naura Syarie didatangkan dengan saiz standard bagi bahagian 'top' atau khimar serta kain.

"Bagi bahagian top atau khimar, panjang depan 122 sentimeter (cm), panjang belakang 140 cm dan jahitan bahagian lengan dijahit cerut 'smokey'. Panjang kain pula adalah 105 cm, keliling bawah kain 214 cm, pinggang bergetah selain ada tali yang boleh dilaraskan ikut keselesaan dan ada poket di bahagian kanan," katanya.

Pada masa sama, Muzlina berkata, bahagian kepala Naura Syarie boleh diturunkan hingga ke bahu bagi memudahkan pemakai untuk mengambil wuduk, manakala bahagian dagunya boleh dinaikkan untuk dijadikan niqab segera yang sangat praktikal untuk digayakan sesuai untuk mereka yang sukakan kesederhanaan.

"Bukan itu sahaja, bahagian lengan Naura Syarie juga dijahit terus dengan khimar. Naura Syarie memang sesuai untuk mereka yang mempunyai ketinggian 155 cm hingga 180 cm," katanya.

Harga mampu milik

Sesuai dengan citarasa rakyat Malaysia, Naura Syarie yang mesra wuduk didatangkan dengan harga promosi RM170 sepasang tidak termasuk kos pengeposan.

Muzlina berkata, potongan harga sebanyak RM40 diberikan kepada mereka yang membeli secara dalam talian atau di butik Hanna Mirae.

"Dengan harga serendah bawah RM200, mereka turut berpeluang memiliki pakaian patuh syariah yang berkualiti, selesa dan bertaraf antarabangsa.

"Setiap pembelian juga

akan mendapat anak tudung dan beg telekung woven secara percuma. Mereka yang ingin menjadikan Naura Syarie sebagai cenderahati juga boleh membeli kotak eksklusif dengan harga RM15 sahaja," katanya.

Elegan, kekal batas agama

Lebih istimewa, pemakai Naura Syarie akan tampak lebih elegan dan menarik tanpa melanggar batas agama selain sesuai bukan sahaja untuk wanita di Malaysia tetapi seluruh dunia.

Muzlina berkata, Naura Syarie sudah mendapat tempat di hati pelanggan dari Singapura dan Brunei ekoran menyasarkan strategi jualan berbeza iaitu mengekalkan harga di bawah RM200.

"Wanita di Malaysia sudah terbiasa dengan telekung sebagai pakaian solat. Justeru dengan kehadiran Naura Syarie, maka ia memberi lebih pilihan kepada mereka untuk memakainya ketika beribadah.

"Kami meletakkan sasaran pelanggan berusia antara 22 hingga 45 tahun. Kami juga ingin menjadikan butik Hanna Mirae sebagai pusat sehenti bagi produk pemakaian umrah, haji dan muslimah pada masa akan datang," katanya.





OLEH JOHAN RADZI

Barangkali tidak ada sasterawan nusantara yang mengalami penderitaan yang seperti yang dihadapi Bung Pram. Beliau dipenjar berdekad-dekad, mula-mula dengan Kolonial Belanda, kemudian bawah cengkaman Orde Baru. Selain itu, karya-karya dan perpustakaan beliau juga renting dibakar. Kekecewaan dan kemarahan meluap-luap seperti yang tercurah di dalam buku *Saya Terbakar Amarah Sendirian*. Itu biografi hasil wawancara Andre Vitcheck dan Rossie Indira. Siri-siri wawancara tersebut menyentuh banyak hal tetapi yang mendasar tentulah tahun-tahun beliau sebagai tahanan di balik jeriji penjara.

Seperkara yang memutik minat terhadap Bung Pram adalah balas surat beliau dengan budayawan dan kritikus Indonesia, Mas Goen.

Via surat terbuka dalam majalah Tempo 3-9 April 2000, Mas Goen bermula dengan mengisahkan abad kedua puluh. Itu surat yang dikarang buat menegur keengganan Bung Pram terhadap Rekonsiliasi Nasional anjuran presiden Republik Indonesia ketika itu, Gus Dur. Dia menyebut tragedi-tragedi kemanusiaan sepanjang abad itu. "Tiap zaman punya gilanya sendiri. Abad ke-20 adalah zaman rencana besar dengan pembinaan besar." Nama-nama antagonis pun disebut: Hitler, Stalin, dan Pol Pot. Begitu juga dengan Orde Baru.

Kemudian dia melanjutkan dengan Nelson Mandela, wali perdamaian dari Afrika Selatan: "Mandela bertahun-tahun di penjara, orang hitam Afrika Selatan bertahun-tahun ditindas, tapi kemudian ketika ia menang, ia membuktikan bahawa abad ke-20 tak sepenuhnya benar: manusia ternyata bisa untuk tak jadi penakluk. Ia menawarkan rekonsiliasi dengan bekas musuh. Ia tak membalikkan posisi dari si objek jadi sang subjek.

Juga tentang kemaafan: "Maaf bukanlah penghapusan dosa. Maaf justru penegasan adanya dosa. Dan dari tiap penegasan dosa, hidup pun berangkat lagi, dengan luka, dengan trauma, tapi juga harapan. Dendam mengandung unsur rasa keadilan, tapi ada yang membedakan dendam dari keadilan.

Mutiara bercengkerang curiga

Kata-kata sering menjadi terumbu tumbuh di lidah-lidah suara ada kalanya menjadi laut menggarami luka pada setiap teluk dan pelabuhan mendayung makna tenggelam mengutip mutiara bercengkerang curiga kerikil sabar yang kau celup di lubuk paling dalam meskipun terbang camar sebelum senja dapat memetik mentari berkeliaran memungkah kesedaran bahawa setiap keindahan tersembunyi kesakitan seperti diri berenang kehilangan sirip setelah luka dan calar menggaris bibir.

Siti Zaiton Ahmad
Pinggiran Tapah



Dalam tiap dendam menunggu giliran seorang korban yang baru."

Lalu Bung Pram menjawab dengan surat berjudul *Saya Bukan Nelson Mandela*. Beliau menulis: "Di Afrika Selatan penindasan dan diskriminasi dilakukan oleh kulit putih terhadap kulit hitam. Putih melawan hitam, seperti Belanda melawan Indonesia. Mudah. Apa yang terjadi di Indonesia tidak sederhana itu: kulit coklat menindas kulit coklat. Lebih dari itu, saya menganggap permintaan maaf Gus Dur dan idenya tentang rekonsiliasi cuma basa-basi. Dan gampang amat meminta maaf setelah semua yang terjadi itu. Saya tidak memerlukan basa-basi.

Bung Pram tidak berhenti di situ. Beliau menyambung dengan nada yang lebih tegas bersalut kecewa: "Minta maaf saja tidak cukup. Dirikan dan tegakkan hukum. Semuanya mesti lewat hukum. Jadikan itu keputusan DPR (Dewan Perwakilan Rakyat) dan MPR (Majelis Permusyawaratan Rakyat). Tidak bisa begitu saja basa-basi minta maaf. Tidak pernah ada pengadilan terhadap saya sebelum dijebloskan ke Buru. Semua menganggap saya sebagai barang mainan. Betapa sakitnya ketika pada 1965 saya dikeroyok habis-habisan, sementara pemerintah yang berkewajiban melindungi justru menangkap saya."

Di sinilah persimpangan moral, hukum, dan falsafah menjelma. Kemaafan, dendam, dan rekonsiliasi nasional adalah perkara yang memerlukan begitu banyak perdebatan dan diskusi. Apatah lagi pada abad ini, ketika kita menoleh ke belakang dan ingin pelajari daripada masa silam yang penuh luka dan menyakitkan.

Di belahan dunia lain, beberapa dasawarsa lalu, ahli falsafah Jacques Derrida menziarahi penjara Nelson Mandela di Pulau Robben. Beliau ditunjukkan sel yang didiami pahlawan demokrasi itu – sebuah bilik yang sempit berukuran 8x7 kaki. Usai lawatan, beliau dijemput memberi kuliah di Universiti Teluk Barat. Derrida memilih satu topik: *kemaafan*.

"Kemaafan mutlak tidak wujud," sabda beliau di hadapan ratusan mahasiswa Afrika Selatan. "Kerana kemaafan hanya absah apabila kita memaafkan yang *tak termaafkan*. Apabila sesuatu itu boleh dimaafkan, maka ia bukanlah satu kemaafan."

Pengertian yang sarat ironi seperti itu tentu menimbulkan banyak tanda-tanya. Mahasiswa-mahasiswa tersebut menjadi bingung. Adakah kerana itu kita tidak wajar memaafkan jenayah? Beliau jelaskan secara perinci dengan esei berjudul *Perihal Kemaafan* pada 2001.

Derrida cuba mengasingkan idea Kemaafan Mutlak dengan proses-proses seperti rekonsiliasi. Menurutnya, kedua-dua konsep ini berbeza dan tidak wajar disetarakan. Di sini beliau mencatat:

"Saya melontarkan saranan ini: tiap kali apabila kemaafan diberikan untuk sesuatu tujuan akhir, sama ada buat tujuan mulia atau rohaniah (*keinsafan, atau penebusan, rekonsiliasi, keselamatan*), tiap kali ia bertujuan untuk mengukuhkan semula sesejenis kebiasaan (*sosial, nasional, politikal, psikologikal*) melalui kerja-kerja ratapan, terapi, atau ekologi memori, maka 'kemaafan' tersebut tidak mutlak – waima konsep tersebut sekalipun pun."

Apa yang dimaksudkan dengan beliau di sini adalah kemaafan – jika diberikan bersyarat – bukanlah satu *kemaafan mutlak*. Ia cuma satu perhitungan politikal, yang mungkin dibuat atas tuntutan agama, sebagai terapi menyembuh luka dan parut silam, sebagai usaha menjambatani pihak-pihak, atau sebagainya. Namun ia tetap tidak boleh dan tidak layak berdiri sebagai kemaafan mutlak.

Ini memandangkan kemaafan tersebut diberi atau dianugerahi atas satu syarat (atau banyak syarat).

Inilah yang disebut Kant sebagai imperatif hipotetikal – yakni sesuatu yang kononnya disebut kemaafan, meskipun di dasarnya berenang-renang perhitungan transaksi, dengan syarat, dan sebagainya. Hal-hal ini selalu ditabiri dengan kalimat mulia seperti "Rekonsiliasi Nasional". Itulah yang berlaku pada Perancis bawah de Gaulle, Pompidou, dan Mitterand atas dosa-dosa jenayah sewaktu pendudukan dan Perang Algeria.

Justeru, apakah itu kemaafan? Kemaafan, menurut beliau harus luar biasa, dan kekal luar biasa. Ia harus dianugerahkan tanpa syarat oleh mangsa-mangsa yang terkesan oleh sesuatu peristiwa silam. Ia adalah "kegilaan luar biasa", yang bekerja atas aforia atau paradoks. Kerana itu ia wujud sekali gus ia tidak wujud.

Semestinya, meskipun lontaran Jacques Derrida tepat dari segi bahasa dan berlegar di ruang ironi – sebagai keyakinan beliau ke atas dekonstruksi logosentrisme Barat, ia masih bukan sesuatu yang praktikal umumnya. Keperluan pragmatik dan perhitungan politikal sering menuntut kita untuk bertindak di luar batas intelektualisme dan idealisme yang murni ini. Mengatakan bahawa satu proses meminta maaf sebagai bukan *Kemaafan Mutlak* di persada antarabangsa, di mahkamah keadilan, dan sebagainya tidak menyiapkan kita apa-apa jawapan untuk kita maju ke hadapan sebagai satu umat.

Kita insafi bahawa *Kemaafan Mutlak* tidak wujud. Ia bersemayam di alam lain, di suatu dunia yang jauh dan serba tak ketahuan. Tetapi kenyataan Jacques Derrida tetap meninggalkan jejak yang meresahkan. Ia membuat kita menatap realiti dengan segala kebrutalan hidup – jika *Kemaafan Mutlak* tidak wujud dan kita takkan dapat menggapinya, maka apa lagi yang kudus di dunia yang bergelumbang dengan sengsara dan penuh fana ini?

CUP

inovasi buat penggemar bubble tea

OLEH NADIAH ZAMLUS

Trend air minuman yang digelar 'bubble tea' kini menjadi kegilaan dalam kalangan remaja juga dewasa, malahan hampir setiap hari ada sahaja promosi berkenaan minuman itu di laman media sosial.

'Bubble tea' yang berbentuk bulat dan berwarna hitam itu juga dikatakan menjadi penyedap minuman.

Kegilaan itu turut membolehkan lambakan kedai minuman yang menghadirkan 'bubble tea' dibuka di seluruh negara.

Namun tidak kita sedari, ketika kerajaan sedang berusaha mengurangkan penggunaan plastik, masih ada

yang tidak peka sehingga berlaku lambakan penggunaan cawan plastik minuman 'bubble tea'.

Kejadian itu terbukti apabila seorang pengguna Facebook berkongsi sekeping gambar di akaun Zero Waste Malaysia dan ia menjadi tular dengan 2,100 perkongsian.

Gambar berkenaan memaparkan sebuah tong sampah besar di Subang Jaya dipenuhi dengan plastik minuman dan lebih mengejutkan apabila majoritinya adalah sampah hasil daripada kedai minuman yang popular dengan 'bubble tea'.

Bawa bekas ke mana sahaja

Prihatin dengan isu lambakan plastik berkenaan, seorang remaja yang baru sahaja berusia 19 tahun tampil dengan bekas air guna semula yang boleh dibawa untuk membeli 'bubble tea' kegemarannya.

Dikenali melalui akaun Instagram cup.byvkl, pemiliknya, Sofea Shahril, memberi peluang kepada orang ramai untuk menyelamatkan alam sekitar dengan menggunakan bekas air lebih praktikal.

Katanya, idea untuk menjual bekas air itu timbul selepas dia berkunjung ke salah sebuah kedai minuman yang menyediakan 'bubble tea'.

Sofea berharap orang ramai lebih peka dengan menggunakan bekas minuman guna semula

"Bekas air ini dicipta sejak dua bulan lalu kerana saya sangat sukakan minuman 'bubble tea' tetapi selepas mengetahui kedai ini menghasilkan lebih 250,000 cawan plastik sampah setiap hari, saya menjadi sedih.

"Oleh kerana itu, saya mencari inspirasi untuk menghasilkan bekas air yang dipanggil 'CUP' ini dan akhirnya ia berjaya dijual secara dalam talian," katanya kepada SelangorKini.

CUP direka khas dengan lubang straw bersaiz 12.5 milimeter yang juga boleh digunakan untuk jus, 'smoothie' dan yogurt.

Katanya, CUP boleh dibeli melalui akaun Instagram cup.byvkl atau Lazada.

"Saya menghasilkan bekas air menggunakan kaca berbanding plastik. Jika bekas air kaca ia boleh diguna semula dan dapat menyimpan air dengan lebih selamat.

"Cita-cita saya ialah supaya CUP lebih dikenali ramai dan berharap supaya ia meningkatkan kesedaran warganegara Malaysia untuk tidak lagi menggunakan plastik," katanya.

Sementara itu EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, pemilik kedai 'bubble tea' perlu memikirkan langkah yang bersesuaian bagi menangani masalah lambakan cawan plastik yang dihasilkan oleh mereka.

"Mereka masih ada tempoh sehingga enam tahun lagi sebelum Selangor menjadi negeri bebas plastik menjelang tahun 2025.

"Saya harap mereka akan dapat menggunakan bahan gantian untuk menggantikan plastik yang sedia ada," katanya.

Boleh
guna
semula

Khas direka untuk minuman 'bubble tea'

Setiap satu set didatangkan dengan balang kaca, straw guna semula dan berus pembersih

Praktikal dibawa ke mana sahaja kerana bertutup

CUP boleh memuatkan 100 ml air dan saiznya agak besar





Syurga aktiviti lasak, eko pelancongan

Hulu Selangor destinasi riadah tumpuan ramai

OLEH NAZLI IBRAHIM

HULU SELANGOR - Hulu Selangor yang terkenal dalam kalangan penggemar aktiviti lasak dan bercirikan eko pelancongan berpotensi menarik lebih ramai pengunjung ke daerah itu.

Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Shukri Mohamad Hamin berkata, antara produk eko pelancongan di daerah itu adalah Air Terjun Serendah, Hutan Lipur Pelajaran Sungai Kedondong, Kolam Air Panas Hulu Tamu dan Kolam Air Panas Kerling.

Katanya, bagi penggemar aktiviti lasak, Hulu Selangor menawarkan aktiviti berakit di jeram di Sungai Selangor, kereta pacuan empat roda di Sungai Sendat, Kerling dan Peretak, 'paragliding' di Kuala

Kubu Bharu, mendaki bukit atau gunung sekitar Kuala Kubu Bharu serta Bukit Fraser.

"Bukit Kutu dan Air Terjun Sungai Chiling adalah nama yang tidak perlu diperkenalkan lagi kepada umum kerana dua lokasi ini popular bagi pelancong dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu, di sini, pada 8 Julai lalu.

Pada masa sama, Shukri berkata, MDHS akan terus membangun selain memastikan produk sedia ada sentiasa diselenggara dengan baik bagi memastikan Hulu Selangor kekal menjadi destinasi riadah terkenal, di Selangor.



Amirudin melancarkan program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu, pada 8 Julai lalu.



MPSJ tingkat pantau premis makanan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bakal meningkatkan lagi aktiviti penguatkuasaan ke atas premis makanan di kawasan pentadbirannya, bermula September ini.

MPSJ dalam kenyataannya memaklumkan, penguatkuasaan itu bertujuan memastikan semua pengusaha makanan mematuhi segala syarat kesihatan kebersihan yang ditetapkan pihaknya.

"Premis makanan yang mendapat gred C dan mendapat empat kesalahan akan digantung lesen minimum tujuh hari dan jika melebihi lima kesalahan, maka lesen perniagaan mereka akan ditarik balik.

"Manakala, lesen perniagaan akan ditarik balik jika premis mendapat gred D," katanya dalam

kenyataan.

Pada masa sama, MPSJ berkata, bagi premis yang lesen yang ditarik balik perlu membuat permohonan semula di Jabatan Perlesenan dan perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

Antara kriteria kesalahan yang diambil kira adalah tiada perangkap sisi gris atau tidak digunakan, aktiviti membasuh atau menyediakan makanan di atas jalan atau longkang, melebihi bilangan gerai yang ditetapkan di dalam premis.

Selain itu, MPSJ turut mengambil tindakan atas tiada pekerja tempatan di premis atau penggunaan warga asing tanpa permit sah, pembinaan struktur haram, perangkap sisa gris tidak melalui sistem kumbahan dan tiada tong sampah atau tong sampah tidak mencukupi.

Mohon petak parkir OKU

PETALING JAYA - Dua peratus daripada keseluruhan kawasan tempat letak kenderaan dalam kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ditetapkan khas untuk kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Ahli Dewan Negeri Bandar Utama, Jamaliah Jamaluddin menyarankan, orang awam atau pemilik premis dalam kawasan komersial di daerah itu membuat permohonan petak OKU kepada MBPJ untuk tindakan

lanjut.

"Untuk memohon tempat letak kenderaan OKU, orang awam perlu menulis surat rasmi dengan menyertakan justifikasi penggunaan, lampiran foto kawasan dicadangkan dan maklumat terperinci pemohon.

"Permohonan juga boleh di hantar ke Pusat Khidmat DUN Bandar Utama atau terus kepada Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ," katanya pada sidang media selepas melancarkan dua tempat

letak kenderaan OKU di hadapan bangunan Persatuan Dialisis Kurnia, di sini, baru-baru ini.

Jamaliah berkata, permohonan terbabit bagaimanapun akan diteliti MBPJ dan kumpulan pereka sejagat (Universal Designer Team) sebelum diluluskan.

"Setakat ini, kita sudah menerima sebanyak 20 permohonan daripada orang awam bagi menyediakan tempat letak kenderaan OKU sekitar Petaling Jaya," katanya.

MPS rai 150 penguat kuasa



SELYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menganjurkan Sambutan Hari Penguatkuasa ke-37 di Dataran MPS, di sini, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Korporatnya, Mohamad Zin Masoad berkata, sambutan itu adalah kali pertama diadakan secara besar-besaran membabitkan seluruh warga MPS, Ahli Majlis dan beberapa pengarah.

Katanya, ia dilaksana bertujuan memperingati penubuhan Jabatan Penguat Kuasa yang sudah lama menyumbang khidmat di MPS iaitu selama 37 tahun sejak tertubuhnya

Majlis Daerah Gombak.

"Selain itu, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua anggota penguat kuasa MPS bagi meningkatkan keazaman, mutu kerja demi kemajuan dan kecemerlangan Pihak Berkuasa Tempatan ini.

"Ia membabitkan seramai 150 anggota penguat kuasa dan 250 warga MPS yang turut serta memeriahkan majlis," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, program dirasmikan Timbalan Yang Dipertua MPS, Dato' Dr Juhari Ahmad dan turut diada-

kan Perhimpunan Bulan Julai.

Selain perbarisan, sambutan turut dimeriahkan dengan pengisian pelbagai aktiviti seperti acara pemakaian pangkat kepada Pengarah Jabatan Penguat kuasa dan Keselamatan MPS, Norhayati Ahmad serta penyampaian anugerah khas kepada dua penguat kuasa yang sudah berkhidmat selama 37 tahun.

Majlis berakhir dengan persembahan Tambo oleh Pasukan Tambo Rejimen 502 Askar Wataniah Angkatan Tentera Malaysia dan demonstrasi tunda kenderaan.



Bengkel Kempen 'Green Initiative For Taska'

Didik murid amal konsep hijau

OLEH SHAFIQUL ALIFF

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan Bengkel Kempen 'Green Initiative For Taska' (GIFT) di bawah kawasan pentadbirannya dalam usaha menjadikan Shah Alam sebuah bandar raya rendah karbon, menjelang 2030.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Haris Kasim berkata, ia adalah komitmen berterusan pihaknya mendidik generasi muda terutama murid taska mengamalkan inisiatif hijau dalam kehidupan seharian.

Katanya, penganjuran GIFT membabitkan kerjasama Persatuan Taska Selangor dan Jabatan Kemajuan Masyarakat Selangor.

"Pada masa sama, Taska turut menerapkan silibus pembelajarannya dengan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sebagai langkah untuk memberikan pendedahan secara menyeluruh mengenai kepentingan kehidupan hijau.

"GIFT juga adalah kesinambungan program dari Zon Bersih dan Zon Bersih Mini (Mini ZeeBee) MBSA. Selain itu, ia selaras dengan usaha MBSA menjadikan Shah Alam Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2030," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Perasmian Bengkel Kempen "Green Initiative For Taska (GIFT) di Dewan Auditorium PKNS,

Seksyen 14, Bangunan Pentadbiran PKNS, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan dan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti MBSA, Asmah Mohd Zain.

Antara pengisian program di kempen berkenaan adalah Taklimat 'Green Initiative For Taska' daripada Pengarah Hatching Technology Sdn Bhd, Rahmat Bayudi.

Selain itu, turut dikongsikan 'Edible Gardening' daripada Pengasas Persatuan Barakah Etika Kepergunaan, Marlina Wong Abdullah bersama Phoon Hui Leng dan Eman Hui, termasuk 'Upcycle' daripada Ketua Fabrisi Biji-Biji Initiative, William.

MPK komited realisasikan hasrat bergelar bandar raya

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) sedang bekerjasama dengan Sime Darby untuk mendirikan universiti dalam usaha melayakkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu dinaik taraf kepada bandar raya.

Yang Dipertuanya, Dato' Mohamad Yasid Bidin berkata, selaras dengan sasaran untuk menjadikan Klang sebagai daerah maju adalah pada 2035, maka usaha itu dijalankan secara berfasa.

"Ketika ini kutipan hasil kita berjumlah RM250 juta setahun. Jadi, kita menjalankan kemampuan yang ada mengikut hasil berdasarkan kepada pendapatan itu.

"Untuk menaiktaraf kepada bandar raya, MPK memang layak cuma kita kekurangan universiti. Justeru, kita sedang berusaha ke arah itu bagi merealisasikan hasrat berkenaan," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penghargaan kepada PBT atas pencapaian cemerlang dalam Sistem Penarafan Bintang (SPB)-PBT, baru-baru ini.

Mengulas penganugerahan SPB lima bintang kepada PBT itu, Mohamad Yasid berkata, pihaknya sedang mencari formula bagi menangani isu berbangkit antaranya kilang haram, sampah dan vandalisme bagi membolehkan

MPK kekal cemerlang.

Beliau tidak menolak isu berkenaan yang menjadi salah satu cabaran kepada MPK untuk mengekalkan SPB lima bintang bagi tahun kedua berturut-turut.

"Bagaimanapun, penerimaan ini membuktikan bahawa MPK berjaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan pemegang taruh.

"Terima kasih kepada kakitangan dan semua pihak yang memberikan komitmen tinggi serta berjaya mengekalkan untuk tahun kedua.

"Saya berharap kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.

Jom sertai 'Action Song'

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempelawa sekolah rendah di seluruh Selangor menyertai pertandingan 'Action Song' yang bakal diadakan, pada 7 Ogos ini.

MBPJ dalam kenyataan memaklumkan, pertandingan berlangsung di Dewan Sivik Pihak Berkuasa Tempatan itu mempertaruhkan pelbagai hadiah menarik termasuk sijil penghargaan kepada

pemenang.

"Sekolah yang mempunyai pasukan nyanyian 'Action Song' dipelawa untuk menyertai program pertandingan ini.

"Penganjur akan memilih 12 kumpulan terbaik untuk berentap di pentas pertandingan," katanya.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pertandingan 'Action Song' boleh menghubungi talian 03-77812775 (Hanum).

Lelaki ditahan buang sisa makanan

BANTING - Tindakan tidak bertanggungjawab seorang lelaki warga asing membuang sampah sisa makanan perniagaan mengundang padah apabila ditahan penguat kuasa Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), baru-baru ini.

Yang Dipertuanya, Mohamad Zain A Hamid berkata, sepasukan anggota penguat kuasa melakukan intipan dan berjaya menahan lelaki terbabit yang memandu kereta Proton Iswara ketika leka membuang sampah berupa sisa makanan di Jalan SP1 Bandar Saujana Putra tanpa menyedari perbuatannya sedang dirakam.

"Hasil soal siasat terhadap lelaki berkenaan, dia hanya seorang pekerja dan majikannya sebelum ini sudah dikenakan tindakan notis kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Penjaja MDKL 2007 kerana meninggalkan peralatan selepas waktu perniagaan dengan menyita sebuah lori.

"Antara kesalahan lain juga didapati peniaga terbabit tidak memiliki lesen perniagaan daripada MDKL," katanya dalam kenyataan.

Mohamad Zain berkata, lelaki

terbabit dikenakan notis kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 4, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MDKL 2007 atas kesalahan membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan.

Katanya, kereta berkenaan disita di bawah Undang-Undang Kecil 21(1), Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap MDKL 2007.

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang mencemarkan alam sekitar dan tindakan lebih tegas akan diambil terhadap mereka hingga ke tahap pendakwaan di mahkamah," katanya.

Pada masa sama, beliau kesal terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah tanpa memikirkan kesan dan akibat terhadap alam sekitar.

"Saya mengajak seluruh masyarakat khususnya penduduk di daerah Kuala Langat bekerjasama dengan MDKL dalam memelihara dan menjaga alam sekitar dengan menyalurkan sebarang maklumat berhubung aktiviti pembuangan sampah haram ini," katanya.



**PENGURUSAN AIR
SELANGOR SDN BHD**
(1082296-U)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	AIS/PCW/T6/06/2019	CONSTRUCTION OF NEW SLUDGE TREATMENT FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI BATU WATER TREATMENT PLANT, GOMBAK, SELANGOR

Untuk butiran lanjut mengenai tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender/prakelayakan di atas adalah **diwajibkan** untuk mendaftar dengan Air Selangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.syabas.com.my/business/supplier> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



800 parkir di Pustaka Raja Tun Uda

SHAH ALAM - Pengunjung Pustaka Raja Tun Uda, di sini, digalakkan menggunakan parkir bertingkat yang disediakan dan tidak meletakkan kenderaan di bahu jalan.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhammad berkata, pihaknya menyediakan hampir 700 parkir kereta, 100 parkir motosikal dan enam parkir bas yang siap dibina, pada Februari lalu.

"Parkir berkenaan mula beroperasi pada 1 Mac lalu bagi mengurangkan jumlah kereta yang diletakkan di tepi jalan. Justeru, saya menggalakkan pengguna memanfaatkan kemudahan yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui SelangorKini pada Majlis Rumah Terbuka PPAS, di Kafeteria Pustaka Raja Tun Uda, baru-baru ini.

Pada masa sama, Mastura berkata, pengguna hanya perlu membayar RM2 untuk caj parkir dan hasil terbabit akan digunakan untuk menampung kos penyeleggaran parkir berkenaan.

"Kita juga meneruskan perkhidmatan 'buggy' kepada pengguna yang meletakkan kenderaan di tempat ini dan itulah tujuan kita mengenakan bayaran.

"Kita mendapat komen positif daripada pengunjung dan mereka semua berpuas hati dengan sistem parkir serta perkhidmatan yang disediakan," katanya.



Operasi setiap hari

Bas Smart Selangor kini ke UiTM Shah Alam



SHAH ALAM - Bas Smart Selangor kini memulakan operasinya di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, bermula 1 Julai lalu.

Melalui perkongsian di Twitter rasmi Majlis Perwakilan Pelajar UiTM, bas berkenaan beroperasi setiap hari bermula jam 6 pagi hingga 10 malam.

Bas laluan 4 itu boleh didapati dengan nombor bas SA04.

Perkongsian itu turut mendapat reaksi positif daripada penuntut UiTM yang kebanyakannya gembira apabila bas percuma itu mula bertapak di institusi pendidikan berkenaan.

Sementara itu, Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, menerusi Twitternya mengharapkan supaya perkhidmatan bas Smart Selangor itu dapat memberi manfaat kepada mahasiswa.

Terdahulu, Kerajaan Negeri pada tahun lalu mengumumkan perkhidmatan Bas Smart Selangor diteruskan dengan cadangan peruntukan RM30 juta bagi 2019.

Kejayaan menyediakan perkhidmatan bas percuma itu berjaya menjadikan Selangor sebagai contoh kepada negeri lain untuk menyediakan perkhidmatan seumpamanya.

Bas Smart Selangor yang pernah diiktiraf oleh The Malaysia Book Of Records adalah kerjasama Kerajaan Negeri dengan komitmen Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempertingkatkan hubungan jaringan serta capaian kawasan bandar dan luar bandar ke arah lebih baik.

KUIS, Persatuan Peguam Syarie Malaysia jalin kerjasama

SHAH ALAM - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), baru-baru ini.

KUIS diwakili Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan dan Pengantarabangsaan), Dr Zulkifli Abd Hamid, disaksikan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang KUIS, Dr Mohd Musa Sarip, manakala PGSM diwakili Presidennya, Musa Awang dan disaksikan Mohd Ridhwan Husin.

KUIS dalam kenyataan berkata, melalui MoU itu, PGSM akan bertindak sebagai pusat rujukan bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan guaman syarie di Malaysia, di samping menempatkan pelajar KUIS terbabit dalam latihan industri.

Katanya, KUIS dan PGSM juga akan meneroka peluang kerjasama dalam bidang penerbitan serta



penyelidikan berkaitan isu terkini membabitkan undang-undang kekeluargaan Islam.

"KUIS juga menyasarkan pembabitkan ahli PGSM dalam sesi pembelajaran yang ditawarkan Fakulti Syariah dan Undang-Undang KUIS.

"Ia kerana kepakaran dan pengalaman peguam Syarie ini amat diperlukan bagi memastikan kurikulum program yang ditawarkan KUIS memenuhi kehendak serta keperluan industri di Malaysia," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Dr Zulkifli berkata, seramai 38 pelanggan mendapatkan khidmat nasihat hasil daripada klinik runding cara yang dijalankan KUIS, pada 2018.

"Manakala sehingga Jun lalu, seramai 32 pelanggan sudah mendapatkan perkhidmatan ini dan ia dijangka akan terus meningkat.

"Sepanjang operasinya, Klinik Rundingcara Guaman Syariah dan Undang-Undang KUIS ini mendapat sambutan menggalakkan daripada warga KUIS serta orang awam," katanya.

UPM tolak amalan plagiat

SHAH ALAM - Universiti Putra Malaysia (UPM) memandang serius amalan eksploitasi, plagiat atau mencuri hasil kerja pelajar oleh golongan akademik di universiti.

Naib Canselornya, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, amalan tidak beretika itu sememangnya ditolak UPM kerana akan mencemarkan integriti dan reputasi universiti serta institusi pendidikan negara.

Katanya, justeru pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas termasuk tindakan tatatertib terhadap staf mahupun pelajar yang didapati terbabit dalam kes berkenaan.

"UPM ingin menegaskan bahawa kami mempunyai saluran aduan yang boleh dicapai oleh semua staf, pelajar dan orang awam.

"Antara saluran yang disediakan ialah melalui Sistem U-Respon yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan kebebasan



bersuara dalam kalangan pelajar, kakitangan atau orang awam," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata demikian merujuk kepada kenyataan Tan Sri Rafidah Aziz berkaitan isu integriti akademik dilaporkan sebuah

media, pada 29 Jun lalu.

Dr Aini berkata, UPM melalui Unit Integriti Sekolah Pengajian Siswazah Bahagian Kemasukan dan Pusat Pembangunan Akademik sudah bekerjasama untuk mengambil langkah pencegahan serta inisiatif bagi memupuk kesedaran.

Katanya, langkah sebegitu membuktikan komitmen UPM dalam mengukuh dan memartabatkan universiti sebagai institusi pendidikan berintegriti.

"Justeru, UPM sekali lagi ingin menzahirkan komitmen bahawa akan sentiasa memelihara integriti akademik dan tidak akan berkompromi dengan sebarang salah laku integriti akademik," katanya.

Tambahan kuota haji

Malaysia tunggu jawapan positif

SEPANG - Malaysia dijangka menerima berita positif berkaitan rayuan kuota tambahan 10,000 jemaah haji musim ini dalam masa terdekat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

Bagaimanapun, Dr Mujahid berkata, pihaknya masih menunggu keputusan rasmi Kerajaan Arab Saudi berhubung rayuan itu.

"Itu adalah hak kerajaan Arab Saudi. Alhamdulillah saya dengar-dengar di hujung telinga, positif. Insya-Allah. Tapi, ada berita baik," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis pelancaran inisiatif "Road to Makkah" di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, pada 4 Julai lalu.

Kuota haji Malaysia tahun ini ialah 30,200 namun Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sudah mengutus surat rasmi kepada Kerajaan Arab Saudi bagi memohon kuota tambahan itu.

Sementara itu, Dr Mujahid menyampaikan penghargaannya kepada Kerajaan Arab Saudi kerana meneruskan inisiatif "Road to Makkah" di Malaysia tahun ini, yang merupakan tahun ketiga.

"Hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi kian kukuh dari semasa ke semasa dan saya sangat gembira kerana inisiatif ini berjaya dilaksanakan," katanya.

Menurut Dr Mujahid, inisiatif itu dapat menjimatkan masa selain memudahkan



Hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi kian kukuh dari semasa ke semasa dan saya sangat gembira kerana inisiatif ini berjaya dilaksanakan

DR MUJAHID YUSOF
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



perjalanan jemaah haji Malaysia, terutama golongan warga emas dan orang kurang upaya ke Makkah.

"Road to Makkah" adalah satu sistem pra pelepasan yang disediakan kerajaan Arab Saudi untuk jemaah haji.

Di bawah inisiatif itu, cap jari semua jemaah akan diambil manakala pasport me-reka akan dicap di negara jemaah berlepas.

Kemasukan jemaah ke Arab Saudi dipermudah seperti penerbangan domestik manakala bagasi mereka akan dihantar terus ke penginapan.

Tahun ini sebanyak 12 kaunter imigresen Arab Saudi disediakan di KLIA.

Sementara itu, Jabatan Imigresen Malaysia buat julung kalinya menyediakan dua pintu automatik yang menggunakan teknologi pengecaman wajah bagi memudahkan proses imigresen jemaah haji.

Projek perintis "Road to Makkah" diperkenalkan di Malaysia pada 2017, sebelum inisiatif itu dilaksanakan sepenuhnya tahun lepas untuk kira-kira 65,000 jemaah Malaysia dan Indonesia.

Tahun ini, inisiatif ini turut diperkenalkan di Tunisia, Bangladesh dan Pakistan.

Kumpulan pertama 483 jemaah haji Malaysia sudah berlepas ke Tanah Suci pada jam 5.30 pagi, 4 Julai lalu. - BERNAMA

Jangan bertindak bertentangan undang-undang

KUALA LUMPUR - Kumpulan Skwad Badar dinasihatkan tidak bertindak dalam apa juga cara bertentangan dengan undang-undang negara kerana mereka bukan badan penguat kuasa agama yang sah, kata Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor.

Beliau berkata, kumpulan itu tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan sebarang bentuk tindakan penguatkuasaan.

"Perlu ditegaskan bahawa mana-mana kumpulan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

adalah dikira pertubuhan haram dan akan diambil tindakan sewajarnya ke atas mereka yang terbabit," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian susulan kenyataan Presiden Skwad Badar, Azhar Mohamad, yang menjelaskan skuad itu bakal diaktifkan semula dan kegiatan mereka akan diperluaskan ke seluruh negara sebagai usaha membanteras gejala maksiat dalam kalangan masyarakat Islam.

Azhar dilaporkan berkata, gejala maksiat dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini semakin membimbangkan. - BERNAMA



Kes kanak-kanak merayau waktu malam ke JKM

PUCHONG - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melalui Skwad Saidina Umar berjaya mengesan latar belakang seorang kanak-kanak lelaki yang didakwa kerap merayau pada waktu malam di sekitar kawasan Taman Putra Perdana, dekat sini.

Jurucakap LZS berkata, susulan itu, pihaknya akan menyerahkan kes terbabit kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut memandangkan siasatan

mendapati kanak-kanak itu bukan dalam kategori orang susah.


"Kami menerima aduan daripada orang awam berhubung kehadiran kanak-kanak terbabit di sekitar kawasan Taman Putra Perdana pada waktu malam tanpa pengawasan orang tuanya. Susulan aduan itu kami membuat risikan dan berjaya mengesan keluarga kanak-kanak terbabit.

"Hasil siasatan kami mendapati, keluarga kanak-kanak berkenaan

tidak mempunyai kesulitan hidup kerana ibu bapanya bekerja selain memiliki kediaman yang baik (rumah yang disediakan majikan)," katanya.

Terdahulu, kisah kanak-kanak terbabit menjadi perhatian penduduk kawasan Taman Putra Perdana selepas dia ditemui tidur di kedai dobi dan masjid selain gemar meminta makanan percuma di kedai berhampiran.

Pada masa sama, LZS berkata, kanak-kanak terbabit juga pernah ditangkap polis, namun dia tidak ambil iktibar dan tetap mengulang lagi tabiat suka merayau itu.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
11 - 17 JULAI 2019 8 - 14 ZULKAEDAH 1440							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Khamis	5:38	5:48	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
12 Jumaat	5:38	5:48	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45
13 Sabtu	5:39	5:49	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45
14 Ahad	5:39	5:49	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45
15 Isnin	5:39	5:49	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
16 Selasa	5:39	5:49	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
17 Rabu	5:39	5:49	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Khamis	5:39	5:49	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48
12 Jumaat	5:40	5:50	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48
13 Sabtu	5:40	5:50	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48
14 Ahad	5:40	5:50	7:11	1:25	4:49	7:33	8:48
15 Isnin	5:40	5:50	7:11	1:25	4:49	7:33	8:48
16 Selasa	5:41	5:51	7:11	1:25	4:49	7:33	8:48
17 Rabu	5:41	5:51	7:11	1:25	4:49	7:34	8:48
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Khamis	5:38	5:48	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
12 Jumaat	5:38	5:48	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45
13 Sabtu	5:39	5:49	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45
14 Ahad	5:39	5:49	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45
15 Isnin	5:39	5:49	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
16 Selasa	5:39	5:49	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
17 Rabu	5:39	5:49	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45



Selusuri denai hampir empat kilometer

Tengku Permaisuri Norashikin daki santuari ikan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

HULU SELANGOR - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan berangkat melakukan aktiviti mendaki di Santuari Ikan Sungai Chiling, Kuala Kubu Bharu, di sini, baru-baru ini.

Keberangkatan baginda diiringi Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Yang Dimuliakan Engku Orang Kaya Mahabijaya, aja Muzaffar Raja Redzwa dan pegawai Pejabat Perikanan Daerah Hulu Selangor.

Sebaik tiba, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melepaskan sejumlah benih ikan kelah ke dalam sungai berkenaan.

Baginda kemudian menelusuri denai hutan sejauh hampir empat kilometer dan meranduk air sungai menuju ke Air Terjun Sungai Chiling.

Baginda juga berkenan memberi makan kepada ikan kelah yang memenuhi segenap santuari sungai berkenaan.

Untuk rekod, Santuari Ikan Sungai Chiling dibuka kepada umum sejak 2009 dan hanya boleh dikunjungi orang ramai pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

Satu-satunya tarikan utama santuari ikan di Selangor ini adalah ikan kelah dan tengas boleh dilihat serta mudah didekati sepanjang laluan ke air terjun.

Kawasan ini dijaga rapi oleh Jabatan Perikanan dan aktiviti perkemahan diadakan bagi mengelak dicemari dengan sampah sarap yang boleh menjejaskan hidupan spesies ikan kelah yang kini diancam kepupusan.



SUMBER: Fb Selangor Royal Office



BERSEBELAHAN STESEN MRT

Bumi Unit Dibuka Untuk Jualan



Stesen MRT Surian

010 252 6668
tropicangardens.com.my

Tropicana Indah Sdn. Bhd. 213350-D
Galeri Jualan
Tropicana Gardens Property Gallery
Jalan PJU 3/21, Kota Damansara, 47410 Petaling Jaya, Malaysia.
T +603 7880 0989 E enquiry@tropicancorp.com.my
GPS Coordinate N3.148808 E101.590999
© Waze TROPICANAGARDENSPROPERTYGALLERY



LZS cawangan PKNS pindah ke UTC

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) cawangan Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan ditutup sepenuhnya bermula 8 Julai lalu.

LZS dalam kenyataan di Facebooknya memaklumkan, penduduk Shah Alam boleh membuat urusan berkaitan zakat di On Wheel tapak bazar Kompleks PKNS.

"Urusan zakat juga boleh dibuat di mana-mana cawangan zakat sekitar Shah Alam iaitu di Masjid Negeri, Bangunan Sultan Idris Shah atau di ibu pejabat LZS yang terletak di Alami Seksyen 13," katanya.

LZS berkata, pemindahan berkenaan bertujuan untuk melancarkan proses pemindahan cawangan Kompleks PKNS ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) Shah Alam yang akan mula beroperasi, pada 1 Ogos ini.



Pertandingan 25 minggu

Boling Liga Piala Datuk Bandar PJ tawar RM120,000

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Kejohanan Boling Liga Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang memasuki penganjuran edisi ketiga mempertaruhkan hadiah keseluruhan hampir RM120,000 kepada peserta.

Sekretariat Media, Unit Komunikasi Korporat MBPJ berkata, kejohanan itu diadakan di Wangsa Bowl @ One Utama bermula 27 Jun lalu, setiap Khamis jam 9 malam dengan setiap pasukan akan bertanding selama 25 minggu.

Katanya, sebanyak 24 pasukan menyertai kejohanan yang dijangka berakhir pada 19 Disember tahun ini.

"Juara pertandingan akan membawa pulang RM10,000 bersama piala pusingan serta iringan, naib juara pula akan membawa pulang wang tunai RM6,000 bersama piala iringan manakala pemenang ketiga akan

membawa pulang wang tunai RM4,000 bersama piala iringan.

"Bagi tempat keempat hingga ke-26 pula masing-masing akan menerima hadiah sagu hati berbentuk wang tunai dan baucar," katanya dalam kenyataan.

MBPJ berkata, kejohanan itu turut menawarkan hadiah sampingan bagi kategori 'team high game' dan 'team hi series' yang bakal menerima hadiah berjumlah RM500 untuk peserta kumpulan.

"Bagi kategori individu iaitu 'Ind Hi Game' (lelaki & wanita) setiap peserta berpeluang memenangi wang tunai RM200 beserta peti sejuk mini dan 'Ind Hi Series' (lelaki & wanita) akan menerima hadiah



Mohd Sayuthi merasmikan kejohanan boling Piala Datuk Bandar MBPJ

berjumlah RM200 serta telefon pintar Huawei Y9 2019.

"Penganjur akan memberi hadiah 'score exactly' kepada

peserta kejohanan yang dapat melakukan markah jatuhan pin '251', '275' dan '281' dengan menawarkan hadiah wang tunai

RM200, manakala bagi jatuhan pin '300' (perfect game) akan menerima sebuah motosikal jenama Modenas MR2," katanya.



Bintang muda AJFC berlatih di Singapura

PETALING JAYA - Seramai 10 pemain muda dari Malaysia berpeluang mengikuti latihan bersama pasukan remaja Bayern Munich selepas berjaya memikat hati jurulatih dalam saingan Kem Bola Sepak Junior Allianz (AJFC) 2019.

Pemain terbabit daripada program di bawah bimbingan bekas pemain antarabangsa yang juga jurulatih skuad Selangor bawah 21 tahun, K Gunalan, dipilih untuk menyertai Kem Explorer Allianz (AEC) Asia di Singapura pada 23 hingga 26 Julai ini.

Selain Malaysia, pemain dari Indonesia, Sri Lanka, Singapura, Filipina, China, Laos dan Taiwan akan turut menyertai Kem AEC Asia bagi memburu slot berlatih dengan kelab utama Jerman itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Malaysia Berhad, Zakri Khir berkata, dua daripada pemain Malaysia yang berjaya menampilkan kemahiran ketika kem terbabit di Singapura, berpeluang mendapatkan latihan yang dikendalikan oleh jurulatih remaja Bayern Munich, Saebener Strasse.

Seramai 1,602 pemain berusia antara 14 hingga 16 tahun sudah menyertai Liga AJFC Malaysia tahun ini yang bermula Mac lalu

SENARAI 10 PEMAIN KE AEC ASIA

- MUHAMMAD HANIF FAIZAL (TENGAH)
- FREALREJUEL DOMUNI (SABAH)
- MUHAMMAD SYAAHIR (PANTAI TIMUR)
- ADAM ALIF MUSTAFA (PANTAI TIMUR)
- MUHAMMAD IDZRIE IDZLEANN SYAH (SABAH)
- MUHAMMAD FIRDAUS AMIRRUDIN (UTARA)
- DARWIS MUNADY AMLY (UTARA)
- MUHAMMAD ALIFF NAJMI (PANTAI TIMUR)
- ZAIFUDIN SERUJI (SARAWAK)
- DERRICK CHUA JINGYE (SELATAN)

mengikut enam zon iaitu Zon Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak.

Pada final Liga AJFC Malaysia 2019 di Stadium Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Subang Jaya, dekat sini, pada 6 Julai lalu, pasukan Zon Pantai Timur menewaskan Zon Utara 2-1.

Kedua-dua gol Zon Pantai Timur dijarangkan oleh Adam Alif Mustafa seawal minit pertama dan ke-18 manakala gol Zon Utara dijarangkan oleh Muhammad Ismat Imran Zainal pada minit ke-35. - BERNAMA



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Cadangan Menaiktaraf Pejabat Baharu Dan Kerja-Kerja Pembinaan Bilik Kebal Unit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Mmkn). Jkr/Sel/ (N)/014(T)/2019	Bumiputera T1 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	SPKK, PPK, & STB Gred: G4 Kategori: B Pengkhususan: B04 & B28	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 15/07/2019 (Isnin) Hingga 29/7/2019 (Isnin)	RM300.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (Bayaran tidak akan dikembalikan) Atas Nama: Bendahari Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Kompleks Ibu Pejabat JKR Negeri Selangor, Tingkat Bawah Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Pada: 05/8/2019 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. (Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan)

Lawatan tapak DIWAJIBKAN pada 15/07/2019 (Isnin) jam 10.00pagi. Sila berkumpul di Bilik Gerakan, Tingkat 2, Binaan ANNEX, Pejabat Dewan Negeri, 40503 Shah Alam, Selangor. Sebarang pertanyaan sila hubungi di Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Telefon: 03 55459800 (ext: 1205)

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam siji PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Bendahari Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan siji-siji tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)

- *Jenis Pendaftaran: T1 - Syarikat 100% milik tempatan
- A1 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



Hak penyiaran Liga Malaysia

MFL umum EVC rakan kongsi

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Liga Bolasepak Malaysia (MFL) mengumumkan kemasukan rakan kongsi baharu Enervive Consultancy Sdn Bhd (EVC) dalam penstrukturan hak penyiaran Liga Malaysia, bermula musim 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif MFL, Kevin Ramalingam berkata, penstrukturan semula hak penyiaran adalah salah satu anjakan paradigma yang mampu menjadi perintis kepada industri penyiaran serta mencetuskan satu revolusi industri bola sepak tempatan ke peringkat lebih tinggi.

"Inilah cetusan idea Pengerusi MFL, DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail yang mahu menyaksikan penyokong memainkan peranan penting menjana pendapatan pasukan. Ini kerana Tunku Ismail menaruh kepercayaan tinggi kepada penyokong untuk sama-sama memajukan Liga Malaysia.

"Kini, MFL bukan sahaja bertindak sebagai pengendali Liga Malaysia sebaliknya MFL juga memainkan peranan sebagai penyiar rasmi bola sepak tempatan bersama EVC dalam memastikan liputan meluas bola sepak terus kepada penyokong," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media yang turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif Enervive Group of Companies, Muhammad Nizamuddin Abdul Hamid, di Hotel Thistle, Johor Bah-



Nizamuddin bersama Hamidin ketika pengumuman EVC sebagai rakan kongsi baharu dalam penstrukturan hak penyiaran Liga M

ru, pada 4 Julai lalu.

Terdahulu, penstrukturan semula Liga Malaysia menyaksikan hak penyiaran secara terus kepada pengguna khususnya penyokong bola sepak tempatan.

Kevin berkata, berbeza dengan sebelum ini, hak penyiaran Liga Malaysia dipegang oleh

syarikat korporat dan stesen televisyen tempatan.

"Bermula musim hadapan, MFL tidak lagi bergantung kepada syarikat penyiar bagi mendapatkan dana pembayaran hak penyiaran kepada setiap pasukan bertanding.

"Sebaliknya, penyokong bakal

memainkan peranan penting untuk menjana pendapatan pasukan dengan melanggan aplikasi yang bakal diperkenalkan oleh EVC dalam masa terdekat," katanya.

Menerusi landasan yang disediakan itu, penyokong dapat menonton siaran langsung perlawanan

Liga Super, Liga Premier, Liga M3, Piala FA, Piala Malaysia, Piala Sumbangsih dan Challenge Cup.

Mengikut perancangan, MFL ingin menjemput persatuan sukan lain untuk turut bersama dalam landasan yang disediakan bagi menjana pendapatan hak penyiaran mereka.

FAM sasar dua pemain naturalisasi dari Eropah

SHAH ALAM - Selepas mengesahkan kehadiran dua pemain naturalisasi baharu iaitu pemain Melaka United, Liridon Krasniqi dan penyerang Kuala Lumpur, Guilherme De Paula, dua lagi pemain dijangka mengikut jejak langkah sama.

Pemain muda berdarah kacukan Malaysia berpangkalan di Eropah itu dikatakan berminat menyangguk jersi Harimau Malaya.

Perkara itu disahkan sendiri Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Stuart Ramalingam seperti dilaporkan Fox Sports pada 3 Julai lalu.

"Dua pemain terbabit, salah seorang berusia 21 tahun dan kini sedang beraksi di Jerman manakala seorang lagi 18 tahun

Dua pemain terbabit, salah seorang berusia 21 tahun dan kini sedang beraksi di Jerman manakala seorang lagi 18 tahun dan beraksi di England

STUART RAMALINGAM
Setiausaha Agung FAM

dan beraksi di England.

"Kedua-dua pemain serius untuk dipertimbangkan FAM dalam usaha memperkuatkan skuad Harimau Malaya," katanya.

Katanya, FAM sudah menghantar



dokumen berkaitan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk dipertimbangkan dan disahkan mempunyai darah keturunan warganegara Malaysia.

Sebelum ini, bintang Pahang kelahiran Gambia, Mohamadou Sumareh dan pertahanan kental Johor Darul Takzim berdarah kacukan Malaysia - Barbados, Lavere Corbin Ong dinaturalisasikan bagi menyangguk jersi Harimau Malaya pada pusingan pertama Kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023.

Selain Sumareh dan Corbin Ong, pemain naturalisasi lain dalam skuad sama adalah Matthew Davis (Pahang).